



Pengenalan  
TAMADUN &  
PEMIKIRAN ISLAM  
KONTEMPORARI

Editor

**Mohd Nasir Ayub**  
**Ahmad Yumni Abu Bakar**  
**Zanirah Mustafa**

# **Pengenalan Tamadun dan Pemikiran Islam Kontemporari**

**Penyunting:**

**Mohd Nasir Ayub  
Ahmad Yumni Abu Bakar  
Zanirah Mustafa**

# **Pengenalan Tamadun Dan Pemikiran Islam Kontemporari**

Mohd Nasir Ayub  
Ahmad Yumni Abu Bakar  
Zanirah Mustafa

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada panel penulis.

ISBN 978-983-44499-9-5  
Cetakan Pertama Januari 2011  
Cetakan Kedua November 2011  
Cetakan Ketiga Jun 2013

Reka bentuk dan ilustrasi kulit: Zakaria Muhamad

Diterbitkan Oleh:  
Universiti Teknologi MARA  
Peti Surat 187, 08100 Merbok, Kedah Darul Aman  
<http://www.kedah.uitm.edu.my/>

Dicetak Oleh:  
Perpustakaan Sultan Badlishah  
Universiti Teknologi MARA  
Peti Surat 187, 08100 Merbok, Kedah Darul Aman  
<http://kedah.uitm.edu.my/library/>

## Kandungan

---

Senarai Penyumbang

Perincian bab

Prakata

BAB 1	Konsep Tamadun Islam <i>Mohd Nasir Ayub</i>	1-51
BAB 2	Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam <i>Noor Hidayah Kassim</i> <i>Zanirah Mustafa</i>	52-101
BAB 3	Pemikiran Tamadun Islam <i>Salmah Hussin</i>	102-162
BAB 4	Perkembangan Tamadun Islam <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>	163-221
BAB 5	Islam Di Alam Melayu <i>Mohd Adib Shujja' Ahmad</i>	222-284

Glosari



## **Perincian bab**

---

### **Bab 1: Konsep Tamadun Islam**

Bab ini membicarakan tentang konsep asas dalam tamadun Islam. Menjelaskan definisi tamadun, asas-asas tamadun, sumber tamadun Islam, matlamat tamadun Islam dan ciri-ciri khusus tamadun Islam.

### **Bab 2: Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan persamaan nilai antara tamadun seperti nilai-nilai kepercayaan, kemanusiaan, akhlak, sebagainya. Bab ini juga membicarakan juga faktor interaksi antara tamadun seperti faktor keserasian antara tamadun, peperangan dan sebagainya.

### **Bab 3: Pemikiran Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan hirarki ilmu dalam Islam, aspek politik dan pemerintahan, membicarakan tentang aspek pembangunan sosial umat Islam dan juga tentang pembangunan ekonomi umat Islam.

### **Bab 4: Perkembangan Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan tentang tamadun Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman Khulafa' Rasyidin, zaman keemasan tamadun Islam seperti kerajaan Umayyah, Abbasiyyah, Andalusia dan juga Uthmaniyah. Perbahasan juga memuatkan isu-isu kontemporari umat Islam.

### **Bab 5: Islam Di Alam Melayu**

Bab ini membahaskan teori kedatangan Islam ke alam Melayu, faktor perkembangan Islam dan pengaruh Islam di alam melayu. Bab ini juga menyentuh tentang tamadun melayu sebagai asas pembinaan tamadun Malaysia dan sebagainya.

## **Prakata**

---

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan berkat hidayah dan inayahNya, penulisan ini dapat disiapkan. Semoga bahan ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Kandungan buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu dalam bab pertama memuatkan perbincangan mengenai konsep Tamadun Islam. Manakala di bab yang kedua membicarakan mengenai nilai-nilai universal dalam Tamadun Islam. Bab ketiga membicarakan tentang pemikiran Tamadun Islam. Sementara itu, bab yang keempat menjelaskan tentang perkembangan Tamadun Islam dan dalam bab yang kelima menghuraikan mengenai Islam di Alam Melayu.

Kupasan tajuk-tajuk tersebut amatlah perlu untuk memberikan kefahaman serta keperihatinan kepada mahasiswa khususnya dan kepada masyarakat umumnya mengenai kesyumulun Islam itu sendiri sebagai wadah perpaduan dan model kehidupan manusia sejagat.

Kami mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua panel penulis buku ini kerana bertungkus lumus menyiapkannya. Tidak lupa sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua CITU UiTM Kedah, al-Fadil Ustaz Osman Abd Hamid di atas sokongan yang diberikan kepada panel penulis dalam menyusun buku ini. Diharapkan buku ini akan memberikan manfaat yang berguna kepada para pelajar UiTM dan segenap lapisan masyarakat bagi menelusuri kronologi tamadun dan pemikiran Islam klasik dan kontemporari serta membina kekuatan jati diri umat Islam demi mencapai kecemerlangan sepertimana yang digapai di zaman silam.

Wassalam

**Panel Penulis**

## **Senarai Penyumbang Dan Bidang Kepakaran**

---

**Mohd Nasir Ayub**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah Dan Pemikiran Islam**

**Noor Hidayah Kassim**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah (Fiqh Usul)**

**Zanirah Mustafa, Pensyarah**, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah (Undang-Undang Dan Muamalat)**

**Ahmad Yumni Abu Bakar**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Akidah Dan Pemikiran Islam**

**Salmah Hussin**, Pensyarah Kanan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah  
**Bidang : Pendidikan Islam**

**Mohd Adib Shujaa' Ahmad**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.  
**Bidang : Syariah Islam**

## **Perincian bab**

---

### **Bab 1: Konsep Tamadun Islam**

Bab ini membicarakan tentang konsep asas dalam tamadun Islam. Menjelaskan definisi tamadun, asas-asas tamadun, sumber tamadun Islam, matlamat tamadun Islam dan ciri-ciri khusus tamadun Islam.

### **Bab 2: Nilai-Nilai Universal Dalam Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan persamaan nilai antara tamadun seperti nilai-nilai kepercayaan, kemanusiaan, akhlak, sebagainya. Bab ini juga membicarakan juga faktor interaksi antara tamadun seperti faktor keserasian antara tamadun, peperangan dan sebagainya.

### **Bab 3: Pemikiran Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan hirarki ilmu dalam Islam, aspek politik dan pemerintahan, membicarakan tentang aspek pembangunan sosial umat Islam dan juga tentang pembangunan ekonomi umat Islam.

### **Bab 4: Perkembangan Tamadun Islam**

Bab ini membincangkan tentang tamadun Islam di zaman Rasulullah SAW, di zaman Khulafa' Rasyidin, zaman keemasan tamadun Islam seperti kerajaan Umayyah, Abbasiyyah, Andalusia dan juga Uthmaniyah. Perbahasan juga memuatkan isu-isu kontemporari umat Islam.

### **Bab 5: Islam Di Alam Melayu**

Bab ini membahaskan teori kedatangan Islam ke alam Melayu, faktor perkembangan Islam dan pengaruh Islam di alam melayu. Bab ini juga menyentuh tentang tamadun melayu sebagai asas pembinaan tamadun Malaysia dan sebagainya.

## **Prakata**

---

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan selawat salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan berkat hidayah dan inayahNya, penulisan ini dapat disiapkan. Semoga bahan ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Kandungan buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu dalam bab pertama memuatkan perbincangan mengenai konsep Tamadun Islam. Manakala di bab yang kedua membicarakan mengenai nilai-nilai universal dalam Tamadun Islam. Bab ketiga membicarakan tentang pemikiran Tamadun Islam. Sementara itu, bab yang keempat menjelaskan tentang perkembangan Tamadun Islam dan dalam bab yang kelima menghuraikan mengenai Islam di Alam Melayu.

Kupasan tajuk-tajuk tersebut amatlah perlu untuk memberikan kefahaman serta keperihatinan kepada mahasiswa khususnya dan kepada masyarakat umumnya mengenai kesyukuran Islam itu sendiri sebagai wadah perpaduan dan model kehidupan manusia sejagat.

Kami mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua panel penulis buku ini kerana bertungkus lumus menyiapkannya. Tidak lupa sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua CITU UiTM Kedah, al-Fadil Ustaz Osman Abd Hamid di atas sokongan yang diberikan kepada panel penulis dalam menyusun buku ini. Diharapkan buku ini akan memberikan manfaat yang berguna kepada para pelajar UiTM dan segenap lapisan masyarakat bagi menelusuri kronologi tamadun dan pemikiran Islam klasik dan kontemporari serta membina kekuatan jati diri umat Islam demi mencapai kecemerlangan sepertimana yang digapai di zaman silam.

Wassalam

**Panel Penulis**

## **Senarai Penyumbang Dan Bidang Kepakaran**

---

**Mohd Nasir Ayub**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

**Bidang : Syariah Dan Pemikiran Islam**

**Noor Hidayah Kassim**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

**Bidang : Syariah (Fiqh Usul)**

**Zanirah Mustafa, Pensyarah**, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

**Bidang : Syariah (Undang-Undang Dan Muamalat)**

**Ahmad Yumni Abu Bakar**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

**Bidang : Akidah Dan Pemikiran Islam**

**Salmah Hussin**, Pensyarah Kanan, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah

**Bidang : Pendidikan Islam**

**Mohd Adib Shujaa' Ahmad**, Pensyarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Kedah.

**Bidang : Syariah Islam**



## **BAB 3**

---

### **PEMIKIRAN TAMADUN ISLAM**

Salmah Hussin

#### **3.0 PENDAHULUAN**

Ilmu pengetahuan merupakan salah satu asas penting dan amat berkesan dalam kehidupan manusia bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Seperti yang diketahui, Islam adalah *Ad-Din*, iaitu suatu sistem hidup yang lengkap serta menyeluruh, mencakupi kegiatan peribadatan, perekonomian, kemasyarakatan, dan lain-lain. Seluruh kegiatan tersebut tidak akan bernilai dan sempurna di sisi Islam tanpa berasaskan aqidah, syariah dan akhlak. Ini adalah kerana segala kegiatan yang berbentuk spritual mahupun fizikal mempunyai matlamat dan tumpuan akhirnya adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan tidaklah aku menciptakan Jin dan Manusia melainkan supaya mereka menyembah Aku”.*

(Surah Az-Zariyat : 56)

Oleh itu, setiap individu yang ingin mencapai kebahagiaan yang sebenar samada di dunia mahupun di akhirat, ia memerlukan kepada ilmu pengetahuan yang cukup dan lengkap. Orang yang berilmu pengetahuan diangkat darjatnya ke tahap yang paling tinggi di kalangan manusia. Tanpa ilmu pengetahuan, ia tidak dapat membimbing manusia ke arah menjadi insan kamil dan akhirnya akan membawa kegagalan.

### **3.1 PEMIKIRAN KEILMUAN DAN PENDIDIKAN**

Menurut Islam, ilmu pengetahuan juga merupakan kayu ukur yang jelas bagi membezakan antara individu dengan individu yang lain. Ini telah pun dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Katakanlah, adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui”*  
(surah Az-Zumar, ayat 9)

Selain itu, ilmu pengetahuan juga merupakan asas penting bagi mencapai tahap keimanan yang sempurna dan akhirnya dapat menjadi orang yang bertaqwa kepada Allah SWT. Ilmu dan iman tidak dapat dipisahkan. Keduanya saling berkait rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Allah telah meletakkan orang yang beriman dan berilmu ke tahap yang paling tinggi, seperti yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat.”*  
(surah al-Mujadalah :11)

Sejarah telah membuktikan bagaimana pentingnya kedudukan ilmu sebagai alat dan syarat utama kepada manusia untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Nabi Adam a.s sebelum diutus ke bumi, telah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan bagi melayakkan diri sebagai khalifah Allah yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan memakmurkan muka bumi ini. (Azhar hj. Mad aros:188)

Oleh yang demikian, Islam sejak kemunculannya telah mengingatkan umatnya agar menuntut ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad. Dengan kata lain, pembelajaran menurut Islam berlaku sepanjang hayat. Rasulullah SAW bukan sahaja menggalakkan umat Islam, bahkan mewajibkan setiap individu menuntut ilmu pengetahuan dan

menyampaikannya. Islam melihat ilmu sebagai suatu yang suci serta bernilai dalam kehidupan seseorang Muslim. Orang yang berilmu diberi kedudukan yang paling tinggi serta dijadikan sebagai saksi kepada manusia lain, beserta Allah dan para malaikat. Mereka juga diberi kedudukan yang istimewa sesudah para Nabi dan rasul. Khususnya umat Rasulullah SAW. Mereka diberi tanggungjawab untuk menyampaikan seruan, memimpin umat dan mentadbirkannya selepas kewafatan Rasulullah SAW. Dengan kata lain, mereka sebagai pewaris yang mempusakai tugas Rasulullah SAW selepas kewafatan Baginda. Para nabi tidak meninggalkan harta untuk diwarisi, tetapi meninggalkan ilmu dan hukum syariat untuk terus diamalkan di muka bumi ini. Ia merupakan warisan yang paling berharga. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Para ulama’ adalah pewaris nabi. Para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham (wang ringgit). Tetapi mereka mewariskan ilmu. Sesiapa mengambilnya, ia telah mendapat habuan yang menguntungkan.”* (Riwayat al- Tirmizi).

Imam al- Ghazali menyatakan, tidak ada martabat yang lebih tinggi daripada martabat kenabian dan tidak ada kemuliaan yang lebih mulia daripada menjadi pewaris martabat kenabian. Begitu juga orang yang memiliki ilmu pengetahuan akan menjadi seorang yang berguna kepada agama, diri sendiri, masyarakat dan negara. Jika seseorang individu menggunakan ilmu pengetahuan dengan sebaik mungkin, kualiti dan produktiviti yang dihasilkan di dalam sesuatu pekerjaannya akan lebih meningkat dan mempunyai nilai yang tinggi dalam setiap urusan kehidupan manusia memerlukan ilmu pengetahuan sebagai bimbingan untuk mencari kebenaran dan reda Yang Maha Esa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Sesiapa mahukan dunia, mestilah dengan ilmu. Sesiapa yang mahukan akhirat, dengan ilmu. Dan sesiapa mahukan keduanya mestilah dengan ilmu.”*

### **3.1.1 Hirarki Ilmu Dalam Islam**

Sejarah dunia hari ini terpaksa mengakui bahawa Islam berjaya melahirkan satu Tamadun besar yang telah membawa keamanan dan kesejahteraan kepada seluruh dunia dan menjadi pendorong kemajuan manusia dalam segala aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Melalui ilmu pengetahuan akan dapat membimbing dan mendorong pemilikinya ke arah kejayaan yang sebenar sehingga dapat di rasai oleh timur dan barat. Sehubungan dengan itu imam al-Ghazali telah menyusun hirarki ilmu pengetahuan menurut Islam seperti berikut:

#### **a) Al-Quran**

Sumber utama ilmu dalam tamadun Islam ialah al-Quran. Ia merupakan wahyu dan mukjizat kepada Baginda Rasulullah SAW dan kitab terakhir yang diturunkan ke dunia ini, manakala membaca dan mempelajarinya merupakan suatu ibadah kepada Allah SWT. Selain daripada itu, Al-Quran juga mempunyai rahsia dan hikmah yang tinggi. Kunci kerahsiaannya perlu digali, pintu hikmahnya perlu diterokai supaya arah tuju perjalanan hidup kita sentiasa dalam keredhaan Allah SWT. Lebih-lebih lagi kita wajib mempercayai kitab Al-Quran kerana ia merupakan pelengkap kepada kesempurnaan rukun Iman bagi seseorang Muslim. Ingin ditegaskan di sini bahawa Al-Quran bukan seperti kitab warisan yang hanya dibungkus kemas untuk dipamerkan atau untuk melariskan jualan atau dijadikan pendinding memagari rumah dan sebagainya. Tetapi hakikat sebenarnya Al-Quran adalah sumber perundangan dan rujukan yang mampu menjadi penunjuk arah dalam kehidupan manusia di samping berupaya menangani pelbagai halangan, cabaran dan ancaman terhadap akhlak dan moral masyarakat masa kini (Sidik Baba: 2008)

Al-Quran adalah sumber ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu sehingga terbentuk satu prinsip kerukunan hidup yang serba lengkap di dunia dan akhirat. Firman Allah yang bermaksud:

*“Katakanlah, sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanku, sungguh habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat Tuhanku, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula).”*

(Surah al-kahfi: 109)

Firman Allah SWT yang bermaksud lagi:

*“Dan, seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta), ditambahkan kepadanya tujuh laut (lagi) sesudah (kering)nya, niscaya tidak akan habis-habisnya (dituliskan) kalimat Allah. Sesungguhnya, Allah Maha perkasa lagi Maha bijaksana.”*

( Surah Lukman: 27 )

Justeru itu al-Quran sewajibnya diangkat sebagai teras dan sumber rujukan utama yang mendasari seluruh aspek kehidupan manusia di alam ini.

## **b) Al-Sunnah**

Al-Sunnah merupakan sumber ilmu yang kedua selepas Al-Quran dalam tamadun Islam. Dari segi bahasa Al-Sunnah ialah jalan. Manakala dari segi istilah ialah segala apa yang disandarkan kepada Rasullullah SAW yang berkaitan dengan perbuatan (*Fi'il*), pengakuan (*Taqrir*), perkataan (*Qaul*) serta sirah hidupnya samada sebelum atau selepas menjadi rasul. Sebagai sumber ilmu dan perlembangan dalam tamadun Islam.

Al-Sunnah melengkapi Al-Quran dengan 3 cara iaitu :

- i) Menegaskan apa yang terdapat hukumnya dalam Al-Quran
- ii) Menjelaskan apa yang tidak diperincikan di dalam Al-Quran

- iii) Menetapkan sesuatu hukum yang tidak terdapat di dalam Al-Quran tetapi hukum ini bertepatan dengan prinsip umum dalam Al-Quran.

Dari segi penerimaannya pula, hadis dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Sohih, Hassan dan Dhaif mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulamak hadis.(Zulkifli Dahalan :15 ).

**c) Ilham atau Intuisi**

Ilham dan intuisi merupakan satu daripada sumber-sumber ilmu bagi manusia. Ia berlaku kepada sesiapa yang dikehendaki oleh Allah SWT, dari kalangan hambanya yang bertaqwa. Sumber ini berkait rapat dengan deria batin seseorang. Ilham ialah idea yang diberikan oleh Allah SWT kepada seseorang untuk melakukan sesuatu. Intuisi ialah kelebihan yang diberikan kepada seseorang untuk mengetahui sesuatu dengan cepat secara semulajadi. Ia tidak memerlukan kepada aktiviti menggunakan fikiran dan sebagainya. Ia diberikan Allah SWT kepada mereka yang bertaqwa dan *bertaqarrub* kepadaNya. Mimpi juga merupakan sumber ilmu dalam Islam. Islam mengakui mimpi merupakan sumber ilmu para rasul seperti mimpi Nabi Ibrahim a.s tentang perintah menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s. Begitu juga dengan mimpi Nabi Yusof a.s. melihat sebelas planet dan matahari sujud kepadanya. Walau bagaimanapun sumber ilmu ini merupakan sumber khusus yang diberikan kepada golongan-golongan yang benar-banar layak di sisi Allah SWT. Mereka terdiri dari kalangan hamba-hambaNya yang beriman dan bertaqwa. Dari sini jelaslah bahawa ilham adalah kurniaan Allah SWT kepada hambaNya yang bergantung harap hanya kepada Allah SWT dalam menghadapi segala urusan hidup di dunia dan di akhirat (Mustafa Abu Sway: 136).



**d) Akal**

Akal atau 'otak' adalah suatu anugerah Allah yang begitu luar biasa. Suatu hal yang menjadikan manusia lebih mulia serta lebih unggul dibandingkan dengan binatang serta makhluk-makhluk lain yang diciptakan oleh Allah ialah akal. Terdapat satu ungkapan di kalangan ilmuwan tersohor Islam serta ilmuwan-ilmuwan Barat yang sepakat berkata bahawa dengan akal, manusia boleh membina dan mencipta kebun binatang tetapi binatang tidak mampu membuat kebun manusia.'

**Peranan Akal**

Manusia memegang amanah dan tanggungjawab yang lebih besar, dari Allah SWT. Amanah ini tidak dipertanggungjawabkan kepada makhluk-makhluk yang lain seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, matahari, bulan dan sebagainya. Ini adalah kerana makhluk-makhluk tersebut tidak mempunyai Akal. Bahkan Tanggungjawab atau taklif ini diamanahkan oleh Allah kepada manusia berdasarkan akal yang dimilikinya. Orang gila, kanak-kanak tidak *ditaklifkan* kepada mereka sebarang tanggungjawab seperti mana orang yang berakal. Firman Allah SWT yang bermaksud :

*“Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan akal fikiran  
(manusia), semuanya itu akan diminta  
pertanggungjawaban”*

(Surah Al-Isra:3)

Akal merupakan salah satu anugerah Allah kepada manusia dan wajib dijaga dengan baik dan tidak dirosakkan dengan mengambil minuman pil- pil yang boleh merosakkan akal. Dengan adanya akal ditaklifkan tanggungjawab kepada manusia untuk dilaksanakan. Orang yang lalai daripada menunaikan tanggungjawab akan dikenakan azab. Sebagaimana firman Allah :

*“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak (mahu) memahami dengannya (ayat-ayat Allah ), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti-bukti keEsaan Allah ), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai”*

(Surah al-Araf 7 : 179)

Walau bagaimanapun akal hanya mampu untuk meneliti, mengkaji dan memahami perkara yang berkaitan dengan alam nyata sahaja. Adapun perkara yang berkaitan dengan alam ghaib, akal tidak dapat menembusi dan dapat menjawab segala persoalan-persoalan hanya dapat diketahui melalui wahyu yang diturunkan kepada nabi dan rasul. Oleh itu, akal menurut Imam al-Ghazali seperti yang dijelaskan di dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din*, akal memerlukan dalil naqli manakala dalil naqli memerlukan dalil aqli. Bertaqlid tanpa menggunakan akal adalah satu kebodohan manakala menggunakan akal sahaja tanpa wahyu Ilahi dan sunnah nabi adalah satu penipuan. Justeru itu, akal mesti digabungkan dengan naqal, kerana ilmu-ilmu aqli seumpama makanan dan ilmu naqli umpama ubat.

#### **e) Pancaindera**

Allah memberikan pancaindera kepada manusia. Sebarang maklumat yang diperolehi dari deria akan dihantar kepada akal untuk ditafsirkan. Pancaindera yang terdiri dari lima unsur rasa, bau, sentuhan, penglihatan dan pendengaran merupakan deria yang amat penting kepada manusia. Dengan akal dan pancaindera, manusia boleh berfikir, merancang, mengkaji dan membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Islam jelas mengiktiraf akal manusia berdasarkan kebenaran mengambil hukum syarak melalui kaedah Ijtihad, Ijmak dan Qiyas. Walau bagaimanapun akal dan pancaindera semata-mata tidak mampu untuk

menemui kebenaran yang mutlak. Oleh kerana akal merupakan ciptaan Allah SWT kepada manusia yang mempunyai kuasa yang terbatas dan terhad mengikut ketentuan Allah. Mustahil bagi manusia untuk merumuskan sesuatu jawapan tentang persoalan metafizik dengan hanya bergantung dengan akal semata-mata. Jadi fungsi akal dan pancaindera tidak boleh berdiri sendiri secara mutlak tanpa berpandukan wahyu Allah SWT. Orang-orang yang tidak mahu menggunakan akal dan pancaindera yang dianugerahkan kepada mereka untuk mencari kebenaran disifatkan oleh Allah sebagai orang yang bodoh dan dungu. Bahkan lebih buruk dan dungu dari binatang. (Said Hawa :115)

### **3.1.2 Klasifikasi Ilmu**

Ilmu merupakan pelengkap kepada kebijaksanaan manusia dalam melakukan tindakan. Ilmu akan mengangkat darjat dan martabat kebijaksanaan seseorang diperingkat individu, masyarakat, negara dan seterusnya memberikan dampak kepada proses pembentukan sesuatu tamadun manusia. Oleh itu, konsep ilmu Islam amat berbeza dengan ilmu-ilmu lain dari segala sudut. Ilmu merupakan elemen terpenting yang memungkinkan pergerakan manusia untuk melakukan penelitian, pengkajian dan akhirnya menghasilkan penemuan baru atau teknologi terkini. Pencapaian seumpama ini merupakan puncak keupayaan dan kejayaan manusia untuk membentuk sesuatu tamadun bagi memenuhi keperluan dan tuntutan hidup manusia sekelilingnya.

Imam al-Ghazali menyebut di dalam kitabnya *Ihya Ulum al-Din*, bahawa Islam tidak menggalakkan umatnya memencilkan diri untuk beribadat dan meninggalkan tuntutan mencari ilmu samada bagi kegunaan diri sendiri, iaitu ilmu fardhu ain, ataupun kegunaan masyarakat iaitu fardhu kifayah. Baginya individu yang berilmu akan dapat membentuk masyarakat yang cemerlang manakala individu yang jahil akan menggagalkan dan melambatkan proses pembangunan masyarakat. Ilmu pengetahuan di dalam Islam terbahagi kepada dua. Pertama, ilmu Fardhu 'Ain. Kedua, ilmu Fardhu Kifayah. Kedua-duanya adalah cabang ilmu

yang mesti dimiliki oleh setiap orang Islam agar tercapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (University Malaysia:85)

### **a) Ilmu Pengurusan diri (fardhu ‘ain)**

Ilmu pengurusan diri atau Ilmu fardhu ‘ain secara ringkas dimaksudkan sebagai ilmu tentang asas-asas agama Islam seperti mengucap syahadah, menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa dan menunaikan fardhu haji bagi yang berkemampuan. Ia merupakan suatu ilmu yang wajib dituntut dan dilengkapkan oleh setiap individu Islam kerana menerusi ilmu pengetahuan tersebut individu Islam dapat melaksanakan segala tuntutan yang ditakliffkan samada berbentuk iktikad (kepercayaan) dalam melaksanakan perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya.

### **b) Ilmu Fardhu Kifayah**

Kifayah dari segi bahasa bermaksud “mencukupi” dan “memadai”. Dari segi istilah ia membawa maksud kewajipan yang difardhukan ke atas seluruh umat Islam dengan tujuan untuk menegakkan agama Islam seperti menuntut ilmu al-Quran, ilmu Hadith, menyempurnakan jenazah dan mengajak kepada amar ma’ruf nahi mungkar. Imam an-Nawawi pula menyatakan bahawa pelaksanaan fardhu kifayah itu dituntut atau dikenakan ke atas semua orang Islam yang mukallaf. Apabila seorang atau sebahagian umat Islam melaksanakannya maka terlepaslah tanggungjawab itu dari seluruh umat Islam.

Menurut Ibn Kaldun manusia tidak dapat hidup sendirian sebaliknya memerlukan kepada satu organisasi kemasyarakatan di mana mereka dapat bekerjasama dalam menjalani kehidupan. Sebagai contoh, manusia memerlukan makanan untuk hidup dan makanan tersebut tidak dapat dihasilkan tanpa melalui beberapa proses yang melibatkan pengembelengan tenaga kerja sesama manusia. Oleh yang demikian memiliki kemahiran di dalam hal tersebut bagi memenuhi keperluan masyarakat juga termasuk dalam tuntutan fardhu kifayah.

Ilmu yang dikategorikan di dalam fardhu kifayah ialah seluruh ilmu yang diperlukan untuk membangunkan urusan kehidupan dunia ini untuk mencari reda Allah seperti ilmu perubatan kerana ia adalah suatu keperluan untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan manusia. kerana “mukmin yang sihat lebih baik dari mukmin yang lemah” Begitu juga dengan ilmu perakaunan kerana ia adalah keperluan di dalam hubungan muamalat, pembahagian wasiat, pewarisan dan sebagainya. Ilmu-ilmu ini jika sesebuah negeri tidak memilikinya maka penduduk negeri itu akan berada di dalam kesusahan. Apabila seorang daripada mereka memilikinya, maka ia sudah memadai dan jatuhlah kefardhuan terhadap yang lain.

Sesungguhnya hanya dengan fahaman yang sebenarnya tentang fardhu kifayah sahajalah umat Islam dapat membina kehidupan mereka dengan cemerlang. Segala prasarana ilmu yang disediakan perlu digunakan dengan sebaik-baiknya, malah peluang yang ada pada hari ini perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Tanggungjawab melaksanakan tuntutan fardhu kifayah sewajarnya tidak lagi dimiliki oleh orang perseorangan atau kelompok masyarakat sedangkan golongan lagi memencilkan diri dengan mengambil sikap tunggu dan lihat. Setiap orang perlu merebut peluang untuk menunaikan tuntutan fardhu kifayah supaya umat Islam terselamat dari segala kelemahan dan kejumudan. Oleh itu setiap individu perlu bersaing dan berlumba dengan bangsa untuk memajukan diri dan masyarakat Islam. (Azhar Haji Mad Aros:190)

### **3.1.3. Pendekatan Pendidikan Menurut Rasulullah SAW.**

Rasullullah SAW telah menjalankan pengajaran kepada sahabatnya dengan berpandukan kurikulum yang teratur, mengikut urutan Sukatan berdasarkan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada baginda melalui al-Quran dan seterusnya dengan hadis. Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan ia tidak memperkatakan menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri, segala yang diperkatakan itu (sama ada*

*al-Quran atau Hadis) tidaklah melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya”.*

(Surah Al- Najm:3-4)

Pendidikan di zaman Rasulullah SAW merupakan model dan ikutan kepada pendidik di sepanjang zaman. Selaku pesuruh Allah, baginda mendapat wahyu dari Allah. Rasulullah SAW tidak menambah atau mengurangkan kehendak al-Quran dan al-Sunnah dalam pendidikan yang diwujudkan. Apa yang terkandung di dalam Al Quran dan al-Sunnah itulah saja bahan-bahan silibus yang diguna pakai. Sehingga akhirnya telah berhasil mengubah bangsa Arab menjadi bangsa yang besar, dihormati dan penting dalam sejarah peradaban manusia. Dalam masa selama 23 tahun Rasulullah SAW mendidik sehingga akhirnya berhasil mengubah manusia gurun yang liar menjadi malaikat-malaikat menyerupai manusia mampu menguasai 3/4 dunia dengan iman dan kasih sayang antara satu sama lain. Generasi ini dikenali dengan generasi al-Quran. Segala apa yang terkandung di dalam al-Quran dicernakan dalam kehidupan mereka sebagai individu, keluarga, masyarakat dan warganegara. (Muhammad Qutb:165)

Proses Pendidikan yang digunakan oleh Rasulullah SAW untuk melahirkan manusia-manusia berwatak ‘Abid di malam hari dan Singa di siang hari’ adalah melalui dua peringkat pendidikan, iaitu:-

- a) Peringkat Pembangunan Insan di Mekah.
- b) Peringkat Pembangunan Material di Madinah.

Peringkat pertama mengambil masa selama 13 tahun, sepanjang tempoh tersebut Rasulullah SAW menggunakan seluruh tenaga dan masa untuk menanamkan ke dalam jiwa para sahabat akidah yang mantap serta mempunyai akhlak yang hebat. Hal ini amat penting bagi menjamin kekentalan kekuatan jiwa mereka apabila tiba fasa yang kedua nanti. Masa yang diambil untuk peringkat kedua adalah selama 10 tahun. Perlu diingatkan di sini bahawa, proses pembangunan insan tetap berjalan seiring dengan proses pembangunan material, ini kerana insan seharusnya perlu dibangunkan selalu kerana ia mudah berubah dan berpaling dari kebenaran



apabila berhadapan godaan dan cobaan yang melanda sehingga boleh mengubah sesiapa sahaja yang tidak mempunyai keimanan yang kuat kepada Allah. Untuk mendidik insan di peringkat pertama ayat-ayat Makkiah yang diturunkan di Mekah berkisar mengenai keimanan kepada Allah, hari Kiamat dan sebagainya. Dengan ayat-ayat yang demikian itu fikiran dan jiwa insan akan menjadi yakin dengan Allah serta cinta dan takut kepadaNya. Juga yakin dengan hari kiamat, bahkan boleh menjadikan individu yang mendalami dan memahami ayat-ayat tersebut lebih mengutamakan kehidupan di Alam Akhirat dari segala kemewahan dunia. Ayat Makkiah dapat menjadikan insan lebih bersedia dan takut dengan azab Allah dan kedahsyatan di Padang Mahsyar.

Peringkat pembangunan seterusnya ialah pembangunan material yang menjadi lebih mudah dan senang bagi generasi awal Rasulullah SAW disebabkan terbiah yang tinggi di Mekah. Jiwa-jiwa yang telah dibangunkan atas dasar iman dan Islam menjadikan jiwa sentiasa rela dan bersedia untuk berkorban bagi menjayakan tamadun dan kebudayaan Islam di atas tauhid yang suci. Dengan kata lain, sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW berjaya mengubah fikiran, jiwa dan fizikal manusia sehingga berjaya mencetuskan zaman kegemilangan di dalam sejarah tamadun manusia. Itulah rahsia kejayaan Rasulullah dalam melahirkan generasi contoh, dalam membina sebuah negara yang cukup indah sehingga mendapat pujian Allah dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Negara yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah ”*

(Surah As Saba’)

### **3.2 PEMIKIRAN POLITIK DAN PEMERINTAHAN**

Politik adalah ilmu pemerintahan atau ilmu siyasah, iaitu ilmu tata negara. Pengertian dan konsep politik atau siyasah dalam Islam sangat berbeza dengan pengertian dan konsep yang digunakan oleh orang bukan Islam. Politik dalam Islam menjuruskan kegiatan ummah kepada usaha untuk

mendukung dan melaksanakan syariat Allah melalui sistem kenegaraan dan pemerintahan. Ia bertujuan untuk melaksanakan segala undang-undang Islam yang syumul melalui satu *institusi siyasah* yang mampu untuk menerajui dan melaksanakan undang-undang Islam secara menyeluruh.

### **3.2.1 Asas-Asas Politik Islam**

#### **a) *Hakimiyyah Ilahiyyah***

Hakimiyyah atau memberikan kuasa pengadilan dan kedaulatan hukum tertinggi dalam sistem politik Islam hanyalah hak mutlak Allah. Hakimiyyah Ilahiyyah membawa erti bahawa teras utama kepada sistem politik Islam ialah tauhid kepada Allah SWT.

*“Dan Dialah Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, bagiNya segala puji di dunia dan di akhirat, dan bagiNya segala penentuan dan hanya kepadaNya kamu dikembalikan”.*

(Surah Al-Qasas: 70)

*Hakimiyyah Ilahiyyah* membawa pengertian berikut:

- *Hakimiyyah* atau memberikan kuasa pengadilan dan kedaulatan hukum tertinggi dalam sistem politik Islam hanyalah hak mutlak Allah SWT. Tidak mungkin ada perkongsian kuasa denganNya dalam mentadbir dan menyusun alam semesta dan Dialah Yang Maha Berkuasa dalam menjaga segala-galanya. Manakala manusia hanya berkewajipan untuk patuh dan tunduk kepada undang-undang tersebut. Firman Allah yang bermaksud:

*"Dan tidak ada sekutu bagiNya dalam kekuasaanNya."*

(Surah al Furqan:2)

*"BagiNya segala puji di dunia dan di akhirat dan bagiNya segala penentuan (hukum) dan kepada Nya kamu dikembalikan."*

(Surah al- Qasas: 70)

*"Menetapkan hukum itu hanyalah hak Allah"*

(Surah al-An'am: 57)

- Allah adalah pemilik dan Pemelihara alam semesta serta segala isinya termasuklah manusia, dan tidak ada jalan lain bagi manusia kecuali patuh dan tunduk kepada Yang Maha Esa.
- Kuasa dan hak untuk menghakimi dan mengadili tidak dimiliki oleh sesiapa kecuali Allah. Oleh kerana itu, manusia wajib taat dan beribadat kepadaNya. Tiada ada kuasa lain selain Allah yang mempunyai sifat adil untuk semua tanpa mengira pangkat kedudukan dan sebagainya.
- Allah sahaja yang memiliki hak untuk mengeluarkan hukum kerana Dialah Allah Yang Maha Pencipta dan Pemilik alam ini.
- Hanya hukum Allah Yang Maha Berkuasa sahaja mempunyai kebenaran mutlak yang tidak boleh dipertikaikan lagi tentang kebenarannya dan hanya Dia Yang Maha Mengetahui hakikat segala sesuatu, dan di tanganNyalah terletak segala penentuan hidayah dan penentuan jalan yang selamat dan lurus untuk manusia sejagat. (MuhammadAbdul Rauf :13)

## **b) Risalah**

Risalah bererti pemilihan dan penetapan beberapa orang lelaki di kalangan manusia sebagai rasul sejak Nabi Adam hingga kepada Nabi Muhammad SAW adalah suatu asas yang penting dalam sistem politik Islam. Melalui landasan risalah inilah maka para rasul mewakili kekuasaan tertinggi Allah

dalam bidang perundangan dalam kehidupan manusia. Para rasul bertindak sebagai menyampaikan, mentafsir dan menterjemahkan segala wahyu Allah dengan ucapan dan perbuatan. Segala perlakuan dan pengakuan rasul-rasul menjadi ikutan manusia semua.

Kewajipan mentaati pemerintah merupakan tanggungjawab untuk dipatuhi seperti mana berlaku di zaman Rasulullah SAW, Allah SWT telah memerintahkan agar manusia menerima segala perintah dan larangan Rasulullah SAW. Manusia diwajibkan tunduk kepada segala perintah Rasulullah SAW dan dilarang mengambil selain Rasulullah SAW untuk menjadi hakim dalam segala perselisihan dan perbalahan yang terjadi di antara mereka. Firman Allah yang bermaksud:

*Apa saja harta rampasan (fai-i) yang diberikan Allah kepada RasulNya yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah; dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya."*

(Surah al-Hasyr: 7)

Firman Allah yang bermaksud:

*"Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya."*

(Surah an-Nisa: 65)

### **c) *Khilafah***

Khilafah bererti perwakilan. Kedudukan manusia di atas muka bumi ini adalah sebagai wakil Allah SWT. Mereka diberi amanah untuk mentadbir dan menyusun alam ini dengan berpandukan segala perundangan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Mereka tidak mempunyai kuasa mutlak bagi menguruskan alam ini menurut hawa nafsu dan akal fikiran semata-mata. Kekuasaan yang ada pada mereka adalah terbatas mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Oleh itu, manusia harus sedar dan mengetahui bahawa mereka hanyalah pemegang amanah, bukan penguasa atau pemilik kerana Allah Yang Maha Kaya yang memiliki segala yang ada di alam ini. FirmanNya yang bermaksud:

*Kemudian Kami jadikan kamu pengganti-pengganti  
(mereka) di muka bumi sesudah mereka, supaya Kami  
memperhatikan bagaimana kamu berbuat.*

(surah Yunus: 14)

Berikut merupakan ciri-ciri atau syarat-syarat utama menjadi pemimpin dalam Negara Islam:

- **Islam**

Seluruh ulama' telah sepakat dalam menentukan syarat utama untuk menjadi khalifah bagi negara Islam adalah beragama Islam. Ini memang bertepatan dengan mana-mana pemimpin di dunia ini akan dipilih berdasarkan ideologi negara tersebut. Tidak boleh sama sekali bagi negara Islam atau negara yang majoriti rakyat atau penduduknya beragama Islam dipimpin oleh pemimpin yang bukan beragama Islam. Hal ini akan menimbulkan kesusahan dalam memastikan hukum atau undang-undang Islam dapat dilaksanakan secara keseluruhannya tanpa ada sebarang masalah yang timbul dalam urusan pentadbiran.

- **Lelaki**

Syarat ini amat ‘sensitif’ sebab dengan syarat ini ‘seolah-olah’ merendahkan martabat wanita dari segi kepemimpinan sekaligus menafikan peranan wanita dalam sektor kepemimpinan. Namun dengan tidak mengurangi rasa hormat pada kaum wanita tetapi dalam soal kepemimpinan dan khilafah adalah hak lelaki. Sama seperti para nabi adalah diangkat dan dipilih dari kalangan lelaki. Tugas seorang khalifah bukanlah satu keseronokkan atau perkara yang boleh dipandang mudah. Ia merupakan satu tugas yang amat berat dan perlu dipikul oleh golongan yang benar-benar layak dari segi fizikal mental dan sebagainya. Walaupun begitu hanya golongan lelaki yang benar-benar layak dan mempunyai syarat-syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja layak untuk dipilih dan dicalonkan sebagai pemimpin. Hal ini berdasarkan kepada sabda Nabi SAW yang bermaksud:

*“tidak akan berbahagia suatu kaum jika urusan mereka diserahkan kepada perempuan”* ( Ibnu Hajar)

- **Mampu Melaksanakan Amanah Kepemimpinan**

Amanah merupakan syarat utama bagi seorang pemimpin dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Tugas pemimpin Islam bukanlah tugas atau bidang untuk mencari nama, tetapi ia dipandang sebagai tugas yang mempunyai status kehormatan yang tinggi dalam masyarakat. Pada hakikatnya jawatan ini adalah beban amanah yang wajib dipikul dan ditunaikan kepada rakyat jelata tanpa mengira masa dan ketika, sentiasa memantau dan peka dengan kedudukan negara yang diperintahnya. Ini akan dapat menjamin keamanan, kemakmuran dan keselamatan rakyat sentiasa terpelihara. Selain itu pemimpin juga perlu bersifat adil, berpendirian tegas sihat tubuh badan, serta bebas dari sebarang kelemahan seperti buta pekak dan sebagainya. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pemerintahan, ekonomi dan keselamatan, dan yang paling penting sekali seorang pemimpin Islam adalah bebas dari sifat zalim dan



sentiasa menjaga hubungannya dengan Allah dan RasulNya. Tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah dalam semua tindakan yang dilakukannya. (Muhammad Abdul Rauf :19).

#### **d) Tanggungjawab Rakyat Kepada Negara**

Seluruh penduduk sesebuah negara yang mempunyai tugas dan kewajipan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan segala undang-undang yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Rakyat mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, antaranya:

- Tanggungjawab untuk berjihad jika berlaku keadaan yang mengancam keselamatan negara. Bebas mengamalkan ajaran agama mengikut anutan rakyat tersebut.
- Rakyat tidak boleh menimbulkan sebarang ancaman yang boleh membawa kepada kekacauan dan akhirnya membawa kepada peperangan di dalam negara.
- Larangan dari melakukan sebarang hasutan sehingga boleh menggugat perpaduan dan kesatuan umat. Sabda Rasullullah SAW yang bermaksud:

*Barang siapa yang memecahbelahkan umatku penggallah lehernya”*

(Hadis riwayat An-nasa’i )

Oleh itu rakyat mempunyai tanggungjawab untuk memakmurkan negara dan berusaha untuk mencari idea-idea baru bagi merubah dan membantu membangunkan umat dan negara.

### **3.2.2 Prinsip-Prinsip Utama Sistem Politik Islam**

#### **a) Syura**

Asas syura yang paling utama adalah dalam pemilihan ketua negara dan orang-orang yang layak untuk menjawat tugas-tugas utama dalam pentadbiran ummah. Asas syura yang kedua adalah berkenaan dengan penentuan cara dan jalan bagi melaksanakan undang-undang yang telah dimaktubkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Asas syura yang seterusnya ialah berkenaan dengan jalan-jalan bagi menentukan perkara-perkara baru yang timbul di dalam kehidupan masyarakat yang tidak ada nas yang jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Perkara seumpama ini diselesaikan melalui proses ijtihad. Rasullullah sering mendengar pandangan para sahabat dalam mengambil sesuatu keputusan apabila berhadapan dengan suasana genting seperti dalam menentukan bentuk dan tempat dalam peperangan Badar, Khandak, dan sebagainya. (Ibn Hisham :227)

#### **b) Keadilan**

Keadilan merupakan asas penting dalam seluruh sistem perundangan, perekonomian, dan sosial. Dalam Islam, pemerintah negara Islam mesti berlaku adil dan rakyat mesti mematuhiinya. Rasullullah pernah menyebut dalam hadisnya, bahawa pemimpin yang adil merupakan antara tujuh kategori yang dijanjikan oleh Allah pada hari pembalasan. Mereka akan mendapat perlindungan di bawah takhta Allah apabila tiada perlindungan selain perlindungan tersebut. Manakala manusia lain akan menderita kerana kepanasan terik matahari yang begitu hampir jaraknya. keadilan juga merupakan pelakuan dan peluang yang sama diberikan kepada semua manusia tanpa ada diskriminasi dan pengasingan. (Muhammad Abdul Rauf:35)

**c) Kebebasan**

Kebebasan yang dipelihara oleh sistem politik Islam ialah kebebasan yang berteraskan kepada makruf dan kebajikan. Menegakkan prinsip kebebasan yang sebenar mempunyai tujuan terpenting bagi sistem politik dan pemerintahan Islam serta menjadi salah satu dari asas utama bagi undang-undang perlembagaan negara Islam. Kebebasan yang dianjurkan oleh Islam adalah hak milik semua makhluk di alam ini, tetapi perlu diingatkan kebebasan tersebut tidak melepasi batasan syariat Islam dan hak masyarakat lain.

**d) Persamaan**

Persamaan di sini bermaksud: Persamaan dalam mendapat dan menuntut hak dalam sesebuah negara. persamaan dalam memikul tanggungjawab menurut peringkat-peringkat yang ditetapkan oleh undang-undang perlembagaan, dan persamaan di bawah kuatkuasa undang-undang yang dijalankan di dalam sesebuah negara. Tidak ada pengecualian berdasarkan pangkat, kedudukan, warna kulit agama dan sebagainya. Islam mengajak manusia membebaskan diri daripada memperhambakan diri sesama manusia kepada memperhambakan diri kepada Tuhan Pencipta sekalian alam. Pengabdian kepada Tuhan akan terjelma di dalam kepatuhan terhadap undang-undang dan ajaran agamaNya. Pemimpin pula wajib melihat rakyat sebagai satu rumpun yang perlu dijaga dan dipelihara hak mereka. Negara Islam mempunyai rakyat yang tidak mempunyai kelas dan kasta. Seluruhnya mempunyai dan peluang yang sama. Tidak ada istilah minoriti dan majoriti. Di zaman permulaan Islam rakyat bukan Islam lebih ramai daripada masyarakat Islam berabad-abad lamanya. Tetapi mereka hidup dalam keadaan aman dan damai atas dasar persamaan yang dianjurkan oleh Islam. (Lihat Kriteria Negara Islam: 75).

### **3.3 PEMIKIRAN EKONOMI ISLAM**

#### **Pengertian Ekonomi Menurut Islam**

Ekonomi adalah segala kegiatan yang berkaitan dengan usaha yang bertujuan untuk memenuhi segala keperluan hidup manusia. Ia juga bermaksud satu pengkajian berkenaan dengan kelakuan manusia dalam menggunakan sumber-sumber untuk memenuhi keperluan mereka. Dalam pengertian Islam pula, ekonomi ialah satu sains sosial yang mengkaji masalah-masalah ekonomi manusia yang didasarkan kepada asas-asas dan nilai-nilai Islam. Ekonomi Islam adalah sebahagian daripada asas kepada masyarakat dan negara Islam. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Sistem ekonomi Islam berbeza dengan sistem ekonomi yang lain. Kerana ia bukan dari hasil ciptaan akal manusia seperti sistem kapitalis dan komunis. Ia adalah berpandukan wahyu dari Allah SWT. Sistem ciptaan akal manusia hanya mengambil kira perkara-perkara lahiriah semata-mata tanpa menitikberatkan soal hati, roh dan jiwa manusia, matlamat lahiriah itu sendiri tidak tercapai dan akhirnya menyebabkan ramai manusia menderita dan tersiksa kerananya. (Azhar Muhammad: 55).

#### **Institusi kewangan Islam**

Institusi kewangan menurut kamus perbankan boleh didefinisikan sebagai institusi yang diberi lesen untuk menjalankan aktiviti mengumpul dana atau sumber kewangan daripada orang ramai atau institusi lain, dan menggunakan sumber kewangan ini bagi tujuan memberi pinjaman kepada mereka yang memerlukannya, ataupun melabur semula bagi mendapatkan pulangan yang lebih tinggi. Misalnya, bank perdagangan, syarikat kewangan, syarikat insurans, dan firma broker. Institusi kewangan juga boleh ditakrifkan sebagai sebuah institusi yang mencipta dan memperniagakan instrumen kewangan di samping memudahkan aliran kewangan di samping memudahkan aliran sumber-sumber antara peserta-peserta pasaran kewangan. Institusi kewangan merupakan satu badan yang

amat penting dalam sistem kewangan yang mana untuk mewujudkan satu sistem kewangan Islam yang canggih dan berdaya maju, sesebuah sistem kewangan memerlukan kepada kepelbagaian pilihan dalam menyediakan instrumen untuk memenuhi kehendak pelanggan yang berbagai-bagai. Antara Institusi kewangan Islam ialah:

### **a) BaitulMal**

Rasulullah SAW telah menubuhkan sebuah institusi kewangan yang cukup tersusun dan bermanfaat kepada umat Islam pada zamannya yang dikenali dengan Baitulmal. Sistem perakaunan juga dimulakan untuk merekodkan segala transaksi yang melibatkan Baitulmal yang mana bendahari pertama yang dilantik oleh Rasulullah SAW adalah Hanzalah. Sebuah cop mohor khas juga dibuat untuk mengesahkan akaun keluar masuk Baitulmal. Konsep Baitulmal yang cukup sistematik ini menjadi rujukan penting dunia Islam dan sumbangannya dalam dunia ekonomi moden masa kini, bahkan sehingga hari ini banyak negara-negara telah menjalankan urusan pentadbiran kewangan Islam dengan menggunakan sistem Baitulmal. Institusi Baitulmal yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW dan para khulafah ar-Rasyidin di zaman permulaan Islam berperanan bagi menguruskan hasil pendapatan negara. Seterusnya sebagai institusi kewangan yang membiayai perbelanjaan negara berdasarkan sumber harta Baitulmal. Sumber harta Baitulmal boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian merangkumi harta khas (harta zakat fitrah dan zakat harta), harta am (meliputi harta am kerajaan seperti harta fai', ghanimah, ma'adin, dan rikaz), harta percukaian, dan harta kebajikan. Harta percukaian merupakan sumber utama Baitulmal. Sistem percukaian yang pernah dilaksanakan termasuklah kharaj, jizyah dan usyur. Harta kebajikan pula adalah harta selain yang telah disebutkan termasuklah harta wakaf, harta warisan (pusaka), harta wasiat, sedekah dan sebagainya. Sumber-sumber ini disatukan di Baitulmal dan digunakan untuk memastikan kebajikan umat Islam terjamin dan dapat membangunkan masyarakat Islam semua. Hasil dari Baitulmal juga digunakan juga untuk pembangunan Negara seperti pembinaan jalan raya, jambatan seluruh negara, pembinaan terusan,

pembinaan masjid sehinggalah kepada pembesaran Masjidil Haram dan Masjid an-Nabawi. Semua ini dilakukan demi menjaga keperluan, kestabilan dan pembangunan ekonomi masyarakat dalam Negara (Zulkifli dahalan:73 ).

Namun begitu, kedudukan dan peranan Baitulmal pada masa kini agak terhad dan terbatas peranannya kerana peredaran masa dan pengaruh Barat. Institusi ini dilihat mempunyai bidang kuasa yang terhad dan sempit iaitu untuk menguruskan harta berbentuk harta khas seperti zakat dan harta kebajikan sahaja. Di Malaysia, hal ehwal berkenaan dengan Baitulmal terletak di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) sebagaimana termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ruang lingkungnya pula merangkumi pengurusan wakaf, zakat, dan harta sumber am. Harta sumber am bolehlah dipecahkan kepada beberapa skop seperti pengurusan pusaka, wasiat, hibah, sedekah, derma perseorangan, luqatah, wang faedah, wang fidyah, wang insurans, hutang lapuk yang tidak dituntut, hasil sewaan, hasil pelaburan, nazar dan kaffarah.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada tahun 2004 bagi membantu pihak MAIN melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara lebih kemas dan teratur. Usaha sama seumpama ini di lakukan bagi menyelaraskan dan memperkasakan Baitulmal sebagai salah satu institusi kewangan Islam yang berjaya dan dapat memberi manfaat yang baik kepada orang-orang yang berhak untuk mendapatkan harta tersebut sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab menyelaraskan bidang-bidang syar'ie khususnya berkaitan wakaf, zakat dan mal, Jawhar berperanan sebagai fasilitator yang bertanggungjawab memberikan nilai tambah kepada pihak MAIN. Usaha sama secara berterusan ini merupakan satu langkah bijak dalam memikul tanggungjawab meninggikan kalimah Allah dan meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia. (Majlis Agama Islam negeri)

## **b) Bank**

Istilah perbankan adalah kata terbitan daripada perkataan 'bank'. Perkataan bank berasal daripada perkataan Itali iaitu '*banco*' yang bermaksud

kepingan papan tempat meletak buku atau sejenis meja iaitu 'bench'. Bank juga didefinisikan sebagai institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan seperti jagaan wang, pertukaran mata wang, pemberian pinjaman dan terimaan bil pertukaran. *Qamus al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* pula menyatakan bank sebagai tempat untuk meletakkan harta bagi tujuan pekerjaan tertentu di bawah penyelenggaraan yang khusus.

Manakala perbankan Islam pula boleh didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan sistem nilai Islam. Dengan kata lain, ia merupakan institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam dengan berlandaskan syarak. Ini bermakna, perbankan Islam bermaksud pelaksanaan operasi perbankan yang berlandas prinsip yang ditetapkan Islam. Ia juga merupakan institusi kewangan yang berobjektif untuk mengimplementasikan prinsip ekonomi dan kewangan Islam dalam arena perbankan.

- **Perbankan Islam di Malaysia**

Apabila membicarakan tentang sistem perbankan Islam, secara tidak langsung ia akan melibatkan prinsip transaksi yang berlandaskan Islam dan jika diimbaz kembali sejarah perbankan Islam di Malaysia telah terbukti bahawa transaksi Islam telah dipraktikkan di Tanah Melayu seawal abad ke-16 lagi. Prinsip ini dapat dilihat di dalam undang-undang Melaka.(zaman kegemilangan kerajaan Islam melaka). Apa yang jelas, kebanyakan negeri-negeri ketika zaman sebelum kemerdekaan turut dipengaruhi oleh undang-undang Melaka termasuklah yang melibatkan aspek transaksi Islam samada secara langsung atau tidak. Pelaksanaan undang-undang Islam di negeri-negeri tersebut berterusan sehingga berlakunya campur tangan Inggeris di negeri tersebut. Walau bagaimanapun, undang-undang Melaka tidak banyak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem muamalat. Ianya berkait rapat beberapa perkara terutama dalam larangan mengambil riba dalam urusan jual beli atau dalam sistem pertukaran barang satu lagi bukti pemakaian prinsip transaksi Islam adalah amalan jual janji (*conditional sale*). Amalan

ini menyerupai prinsip transaksi Islam yang dikenali sebagai *al-bay' al-Wafa'* iaitu jualan dengan pilihan untuk membeli balik. Masyarakat Melayu terutamanya para petani sering terlibat dengan jualan seumpama ini sebelum zaman pra penjajah lagi. Amalan tersebut diamalkan kerana mereka tidak mahu terlibat dengan pembiayaan pinjaman yang berasaskan bunga yang diuruskan oleh institusi cetera pada masa tersebut.

Para ulama' fiqh mentakrifkannya sebagai jual beli yang dilakukan oleh dua pihak yang terdapat syarat bahawa barangan yang diakadkan itu boleh dibeli semula oleh penjual apabila tamat tempoh masa tertentu yang dipersetujui bersama. Akad yang menjadi budaya masyarakat setempat ini diamalkan bertujuan mendapatkan kemudahan kredit tanpa terlibat dengan amalan riba. Akad ini ialah penjualan tanah atau harta tetap milik penjual kepada pembeli dengan janji untuk membeli semula dalam tempoh masa tertentu. Dalam tempoh itu pembeli boleh menggunakan dan menduduki tanah tersebut. Jika tempoh yang dijanjikan penjual gagal untuk membeli semula hartanya ia akan berpindah milik kepada pembeli. Amalan jual janji ini masih lagi diterimapakai dan diiktiraf oleh undang-undang Malaysia dan diperuntukkan dalam Seksyen 4 (2) Kanun Tanah Negara.

Dari sini jelaslah bahawa ketika zaman sebelum kedatangan penjajah sememangnya tidak wujud satu sistem perbankan Islam yang komprehensif. Malah sebuah institusi perbankan yang khusus juga masih belum wujud. Masyarakat ketika itu hanyalah mempraktikkan transaksi-transaksi ringkas dalam urusan perekonomian seperti jual beli, sistem tukar barang (*barter*), jual janji dan lain-lain. Setelah kedatangan penjajah Barat pada abad ke-19, barulah sistem perbankan mula diperkenalkan di kalangan masyarakat setempat. Institusi perbankan pertama sekali di Malaysia ialah '*The Chartered Merchant Bank of India, London and China*' yang telah ditubuhkan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1859. Bank ini diwujudkan untuk membiayai aktiviti perlombongan dan perindustrian serta menawarkan beberapa kemudahan kewangan bagi perdagangan antarabangsa serta kemudahan lain pada masa itu. Namun, ketika itu, masih belum wujud satu institusi yang khusus mengaplikasikan konsep sistem perbankan Islam di Malaysia.



Idea penubuhan perbankan Islam di Malaysia berlangsung secara beransur-ansur. Penubuhannya adalah hasil daripada pengalaman yang dilalui oleh beberapa institusi kewangan Islam lain di Malaysia. Institusi yang pertama sekali yang mengamalkan konsep transaksi Islam ialah Lembaga Tabung Haji (LTH) atau sebelum ini dikenali sebagai Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji. Ia ditubuhkan pada tahun 1969 dan berfungsi untuk membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji dan melibatkan diri dalam bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan, perladangan dan hartanah melalui cara yang halal di sisi Islam.

Seterusnya, ekoran daripada kejayaan penubuhan bank-bank Islam di beberapa buah negara seperti di Qatar, Mesir, Pakistan dan Iran, umat Islam di Malaysia juga telah menyuarakan hasrat supaya bank Islam ditubuhkan di negara ini. Malah penulis berpandangan perkembangan perbankan Islam pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 adalah kesan daripada proses islamisasi yang berlaku hasil daripada tokoh-tokoh reformis Islam ketika itu yang memberi impak kepada masyarakat Islam untuk mengamalkan ajaran Islam secara total dalam kehidupan mereka meliputi soal politik, sosial dan ekonomi. Maka kerana itulah juga wujud gelombang pembaharuan dikalangan umat Islam untuk menubuhkan satu sistem perbankan Islam.

Oleh itu di Malaysia, beberapa pihak telah menyeru kerajaan menubuhkan sebuah bank Islam dan meminta kerajaan mengambil tindakan segera menggubal undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank dan institusi kewangan yang beroperasi berlandaskan prinsip Islam. Maka pada 30 Julai 1981, kerajaan telah melantik Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam (*National Steering Committee*) yang dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman dan LTH dilantik sebagai urusetia.

Pada bulan Julai 1982, Jawatankuasa tersebut telah menyerahkan laporan mereka kepada kerajaan. Di samping mencadangkan satu kerangka asas untuk sistem perbankan Islam di Malaysia, ia juga membuat beberapa cadangan untuk pelesenan dan penyeliaan serta pengawasan sebuah bank

Islam. Akhirnya bagi membuka jalan untuk penubuhan bank Islam di Malaysia, kerajaan telah meluluskan Akta Bank Islam 1983 (ABI) dan mula berkuatkuasa pada 7 April 1983. Dengan penggubalan Akta Bank Islam 1983, maka Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah ditubuhkan pada Julai 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Objektif utama penubuhannya ialah untuk berusaha menjalankan operasi sebagai bank perdagangan berlandaskan hukum Syarak dan menyediakan kemudahan kepada semua rakyat negara ini. Seperti bank-bank lain, Bank Negara Malaysia (BNM) diberi kuasa di bawah Akta Bank Islam untuk mengawal selia bank Islam.

Sejajar prinsip dan matlamat BNM untuk merealisasikan sistem perbankan Islam di seluruh Malaysia, Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) telah diperkenalkan pada Mac 1993. Melalui skim ini, institusi perbankan konvensional dibenar menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam dengan menggunakan prasarana yang sedia ada termasuk kakitangan dan cawangan. Buat permulaan, skim ini dianggap satu perintis yang melibatkan tiga buah bank. Pada tahun 1998, BNM telah menjalankan satu kajian semula terhadap perbankan Islam dan mendapati penggunaan istilah “SPTF” tidak mencerminkan penampilan sebenar operasi perbankan Islam yang dilaksanakan oleh institusi perbankan. Oleh itu BNM telah menggantikan istilah “SPTF” dengan “Skim Perbankan Islam (SPI)” berkuatkuasa 1 Disember 1998. Perkembangan sistem perbankan Islam semakin berkembang apabila pada 1 Oktober 1999, sebuah lagi bank Islam bernama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ditubuhkan. Ia dianggap sebagai bank Islam kedua di Malaysia muncul setelah adanya usaha kerajaan untuk memperkukuhkan sektor perbankan Islam bagi memenuhi pertambahan permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan perbankan Islam.

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia adalah berdasarkan dua bentuk utama iaitu institusi perbankan Islam secara total seperti BIMB dan BMMB dan yang kedua ialah institusi perbankan konvensional yang menyertai SPI yang diperkenalkan kerajaan. Apa yang jelas, sistem perbankan Islam di

Malaysia semakin berkembang daripada masa ke semasa. Ini juga selaraskan dengan aspirasi kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai hub perbankan dan kewangan Islam yang terulung di dunia. (Kertas Kerja Bank Islam )

### **c) Sistem Barter**

Sebelum wujudnya mata wang dalam setiap Urusan perdagangan, satu sistem telah diperkenalkan sebagai salah satu kaedah perdagangan pada masa tersebut. Sistem tersebut dikenali sebagai sistem barter. Sistem barter merupakan satu sistem di mana ianya memerlukan kehendak yang sama antara dua atau beberapa pihak kerana sistem ini tidak menggunakan sebarang bentuk perantara pertukaran di mana barangan atau perkhidmatan ditukar dengan barangan atau perkhidmatan lain. Melalui sistem ini mereka terpaksa membuat pilihan sesama sendiri untuk mendapatkan barang perantaraan mengikut kehendak masing-masing. Oleh itu, barang-barang yang digunakan sebagai alat perantaraan itu berbeza-beza.

#### **Antara kelemahan sistem barter:**

- Memerlukan penemuan dua kehendak pada masa serentak untuk menjalankan urusan niaga secara sistem barter, ia memerlukan penemuan dua pihak yang mempunyai dua barang mengikut kehendak dua individu tersebut sebagai contoh seorang individu berhajat untuk membeli barang kepunyaan seseorang yang kebetulan orang tersebut memerlukan barang yang dimilikinya. Ketika itu barulah urusan pertukaran atau jual beli dengan menggunakan sistem ini dapat dilaksanakan. Keperluan untuk bertemu dengan dua orang individu yang mempunyai kehendak yang boleh ditukarkan adalah sukar kerana kehendak individu kebiasaanya adalah berbeza dan berlainan antara satu sama lain.
- Masalah penentuan nilai pertukaran dalam sistem barter, pertukaran barang dengan barang adalah mengikut nilai pertukaran

yang telah dipersetujui antara kedua-dua pihak. Misalnya, nilai seekor ayam sama dengan nilai lima ekor ikan yang sederhana besarnya. Oleh kerana sesuatu barang juga boleh ditukar dengan barang yang lain, maka nilai pertukaran lain pula harus ditetapkan. Penentuan harga biasanya berlaku dalam keadaan berlebih kurang dan bukan dari jenis yang sama tetapi oleh kerana barang yang ada pada individu tersebut merupakan keperluannya, terpaksa diambalnya juga.

- Membatasi pilihan pembeli pertukaran barang hanya berlaku antara dua barang yang dimiliki oleh setiap individu. Oleh itu setiap individu tiada pilihan untuk memilih barang yang lain bagi memenuhi kehendak mereka. Sekiranya mereka memerlukan barang lain, mereka perlu mencari individu lain yang mempunyai dua kehendak pada masa yang sama. Perkara ini amat sukar untuk diperolehi kerana setiap individu tidak dapat membawa barang yang banyak dengan jenis yang berbagai pada satu-satu masa. Ini adalah kerana mereka terpaksa berhadapan dengan masalah pengangkutan dan sebagainya. Selain itu belum pasti barang yang dibawanya diperlukan oleh individu lain pada masa tersebut.
- Kesukaran membahagi barang ke unit yang lebih kecil urusan yang dijalankan melalui sistem barter akan dilakukan mengikut nilai pertukaran yang telah ditetapkan. Misalnya, pertukaran antara beras dan kambing. Oleh kerana daging kambing tidak boleh disembelih dan dijual dagingnya mengikut kehendak pembeli seperti sekarang oleh itu pemilik beras terpaksa menyediakan nilai beras yang lebih besar bagi memperolehi seekor kambing walaupun pada dasarnya ia lebih memerlukan beras lebih dari daging kambing tersebut. Ini ditambah lagi dengan ketiadaan alat pendingin beku sepertimana sekarang.
- Bayaran selalu tertunda dan sukar dilakukan dalam urusan kredit yang menggunakan wang sebagai alat pertukaran, sesuatu

pembayaran akan dilakukan pada suatu tarikh yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama setelah barang yang dipesan atau dibeli itu diterima. Namun dalam sistem barter ini sukar dilakukan kerana sifat barang itu kadang-kadang terdiri dari bahan yang mudah rosak dan tidak tahan lama, atau kerana nilai barang yang hendak ditukar itu tidak sama nilainya dengan barang yang diperlukan.

- Kesukaran menyimpan kekayaan dengan barang untuk menyimpan kekayaan dalam bentuk barang memerlukan tempat dan kos untuk menyimpannya. Ini akan membebankan pemilik barang untuk menyediakannya. Selain itu, tidak semua barang yang diperlukan itu terdiri dari barang yang boleh disimpan lama, terutama dari hasil tanaman yang bukan dari bahan asasi seperti sayuran. Ikan dan sebagainya oleh itu Islam melihat sistem ini mempunyai unsur riba yang diharamkan oleh Islam:

*“Abu Said meriwayatkan kisah Bilal membawa kepada Rasulullah SAW beberapa biji tamar yang berkualiti tinggi. Rasulullah SAW terus menanya Bilal di mana beliau mendapat buah-buah tersebut. Bilal menjawab. “Saya mempunyai beberapa tamar yang kurang kualitinya dan saya telah menukar dua sa untuk satu sa. Lantas Rasulullah SAW bersabda. Jangan! Perbuatan ini adalah riba. Jangan diulangi perbuatan ini. Jika kamu ingin membelinya, jual tamar yang berkualiti rendah untuk wang dan selepas itu belikan tamar yang berkualiti tinggi dengan wang yang kamu perolehi’.”*

(riwayat Muslim)

Lihatlah bagaimana Rasulullah SAW, menukar sistem barter yang telah biasa dilakukan dalam sistem ekonomi sebelum ini yang di dalamnya terdapat dosa riba yang dilarang agama. Sistem baru yang Rasulullah SAW, terapkan adalah melalui sistem mata wang yang lebih adil daripada

sebarang penindasan dan ketidakadilan dalam sesuatu transaksi. Bahkan sistem barter menimbulkan dua kos dalam ekonomi iaitu kos pertukaran (transaction costs) dan kos menunggu (waiting kos) di mana semua ini tiada jika menggunakan mata wang. Bahkan ia lebih adil kepada pembeli dan penjual untuk menentukan kadar harga sesuatu barang dengan lebih tepat.

Sehubungan dengan itu mata wang sudah mulai diperkenalkan di awal zaman khalifah. Hal itu berlaku ketika zaman pemerintahan khalifah Umar dan Utsman r.a., mata wang telah dicetak dengan mengikuti gaya dirham Persia, dengan perubahan pada tulisan yang tercantum di mata wang tersebut. Meskipun pada permulaan pemerintahan khalifah Umar r.a pernah timbul idea untuk mencetak mata wang dari kulit binatang, namun akhirnya dibatalkan kerana tidak dipersetujui oleh para sahabat yang lain. Mata wang khilafah Islam yang mempunyai ciri khusus baru dicetak pada masa pemerintahan Ali r.a. meskipun peredarannya masih terbatas. Mata wang dengan gaya Persia dicetak pula di zaman Muawiah dengan mencantumkan gambar gabenor dan pedang. Gabenor Iraq pada masa pemerintahan Muawiah, yakni Ziad, juga telah mengeluarkan dirham dengan mencantumkan nama khalifah. Pencantuman gambar dan nama kepala pemerintahan pada wang, sampai sekarang masih digunapakai di seluruh pelusuk dunia.

#### **d) Gadaian**

Pajak gadai adalah institusi yang memberi pinjaman kepada orang ramai terutama bagi mereka yang ketiadaan wang. Ianya juga merupakan institusi yang tidak mengaut keuntungan. Pelanggan yang ingin mendapatkan pinjaman perlulah mencagarkan sesuatu yang berharga dengan ada tempoh pembayaran balik pinjaman yang diterima. Jika pelanggan gagal memulangkan pinjaman maka cagaran ini akan dijual dan akan dipulangkan kepada pelanggan. Oleh itu, institusi ini bersifat kebajikan.

## **Hasil ekonomi Islam**

Ekonomi adalah segala kegiatan yang berkaitan dengan usaha-usaha yang bertujuan untuk memenuhi segala keperluan hidup manusia di alam ini. Ia juga boleh diertikan sebagai satu kajian berkenaan dengan kelakuan manusia dalam menggunakan sumber-sumber untuk memenuhi keperluan hidup. Dalam ekonomi Islam kuasa mutlak adalah terletak di tangan Allah SWT terhadap apa yang ada di bumi dan di langit serta segala isinya, sebagaimana firmanNya dalam yang bermaksud:

*“ Dia lah Allah SWT yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak menciptakan langit, lalu dijadikanNya tujuh langit, dan dia Maha Mengetahui segala sesuatu.*

( Surah Al Baqarah:29)

Islam telah meletakkan garis panduan kepada umatnya dalam mencari dan menghimpun harta sebagai mata pencarian dalam kehidupan. Dan Islam juga telah meletakkan syarat dan cara menguruskan hasil ekonomi mengikut Islam. Pengurusan sumber negara hendaklah teratur dan tersusun mengikut keutamaan keperluan masyarakat dan negara. Negara perlu mencari dan melantik. Antara hasil ekonomi negara Islam adalah:

### **a) Zakat**

Zakat secara umumnya bererti pertambahan. Berdasarkan pengertian umum ini, ia kemudiannya digunakan bagi berbagai pengertian seperti cerdik, jenih, berkat, kepujian, bersih dan lain-lain. Dari segi istilah menurut pengajian hukum atau “*fiqh*” zakat bererti mengeluarkan kadar tertentu dari harta yang tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya sebagaimana yang ditentukan oleh Allah SWT. Selain itu, perkataan zakat ada disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu istilah tunggal bagi sesuatu pengertian

kerana al-Quran dan al-Sunnah juga menggunakan perkataan “sedekah” bagi pengertian yang sama. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak Yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah SWT . Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui*

(Surah At-Taubah ayat 103)

Zakat merupakan suatu pembayaran yang wajib dikeluarkan ke atas semua jenis harta yang layak dimaju dan juga dikembangkan. Samada ia dimajukan dengan menggunakan harta itu sendiri atau digunakannya untuk tujuan menyucikan diri pemiliknya sendiri ( dari segala dosa). Harta yang dikenakan zakat itu terbahagi kepada dua jenis. Pertama harta-harta yang zahir dan kedua harta yang batin. Harta yang zahir ialah harta yang tidak dapat disembunyikan seperti ternakan, hasil pertanian ( seperti bijirin, dan buah-buahan). Harta batin pula ialah harta-harta yang boleh disembunyi seperti emas perak dan barang-barang yang diniagakan. Wakil zakat atau pihak berwajib yang dilantik untuk memungut zakat tidak berhak untuk memeriksa harta-harta tersebut untuk dizakatkan. Oleh itu, pemilik sahaja yang berhak dan bertanggungjawab untuk mengeluarkan zakat dari harta tersebut tanpa sebarang paksaan dan sebagainya.

- **Kedudukan zakat dalam Islam**

Sebagaimana yang diketahui umum, zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud :

*“Islam dibina atas lima : Bersyahadah bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT dan bahawa Muhammad pesuruh Allah SWT, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa*



*pada bulan ramadhan dan haji ke baitullah bagi sesiapa yang mampu mengunjunginya”*

Hadis tersebut jelas menerangkan bahawa zakat adalah salah satu dari rukun Islam yang lima, iaitu selepas syahadah dan sembahyang. Rukun bererti tunggak atau asas utama pembinaan sesuatu. Ini bererti, tanpa mengeluarkan zakat, sama juga seperti tidak melakukan sembahyang, berpuasa dan sebagainya. Ini bermakna seseorang Islam yang tidak menunaikan perintah Allah SWT atau meninggalkan salah satu dari rukun Islam yang lima, berada dalam keadaan yang tidak kukuh dan mantap. kecuali dalam menunaikan ibadah haji ke Baitullah.

- **Kewajipan mengeluarkan zakat**

Banyak ayat-ayat al-Quran al-Karim dan hadis nabi yang menyebut tentang kewajipan berzakat. Antara ayat-ayat berkenaan adalah firman Allah SWT .yang bermaksud:

*Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua Yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa melihat Segala Yang kamu kerjakan”*

(Surah al-Baqarah: 110)

Dalam ayat di atas, Allah SWT secara jelas menyuruh umat Islam mengeluarkan zakat, sepertimana juga mereka disuruh sembahyang. Mengikut para fuqaha, ungkapan suruhan memberi erti wajib kecuali ada asas yang menunjukkan suruhan tersebut membawa maksud sunat atau harus. (Muhammad Abdul Hadi Munim h.247)

Zakat merupakan sejenis bayaran wajib yang mesti dibayar oleh setiap anggota masyarakat Islam yang memenuhi syarat-syarat yang tertentu walau dalam keadaan apa sekalipun. Zakat wajib diberikan kepada 8 asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Oleh itu, Zakat dapat

membentuk sebuah masyarakat yang saling bekerjasama, bertindak sebagai syarikat insurans dan tabung simpanan masyarakat Islam. Setiap ahli masyarakat yang memerlukan bantuan akan dibantu dari tabung tersebut. Selain sifatnya sebagai ibadat dalam Islam, zakat juga mempunyai objektif kemanusiaan yang nyata. Ia meliputi aspek-aspek kerohanian dan kebendaan yang merangkumi individu dan masyarakat. Dalam aspek kebendaan, zakat secara jelas dapat dilihat sebagai salah satu sumber kewangan Negara yang mempunyai tujuan yang jelas dan khusus untuk membantu orang-orang yang lemah dan memerlukan. Ia tidak mempunyai perbezaan dengan cukai yang dipungut oleh mana-mana Negara daripada rakyatnya. Dalam aspek kerohanian pula, zakat dapat mempertingkatkan nilai hidup berbagai-bagai pihak termasuk pemberi, penerima dan seluruh masyarakat. Malah zakat juga dapat mempertingkatkan nilai harta kepunyaan orang yang mengeluarkan zakat itu. Secara ringkasnya kelebihan mengeluarkan zakat dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Membersihkan dan menyuburkan harta dalam mencari harta kekayaan, kadang-kadang secara tidak disedari telah berlaku pencerobohan terhadap hak orang lain. Selain itu, zakat juga boleh memperkembangkan harta berkenaan dan menambah keberkatannya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud :

*“Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hambaNya dan menyempitkan bagi (siapa yang dikehendaki-Nya). dan barang apa saja yang kamu nafkahkan, Maka Allah SWT . akan menggantinya dan Dia-lah pemberi rezeki yang sebaik-baiknya.”*

(surah Saba' : 39)

- ii. Membantu pihak yang memerlukan. Ini jelas dapat dilihat daripada senarai golongan yang layak menerima zakat yang terdiri daripada fakir miskin, hamba abdi yang berusaha untuk membebaskan diri, mereka yang dihimpit beban hutang, mereka yang keputusan

belanja dalam perjalanan dan sebagainya. Pemberian zakat kepada golongan yang memerlukan ini akan dapat menampung keperluan hidup mereka, tiada perasaan tersisih daripada masyarakat dan tidak menyimpan perasaan dengki kepada pemilik harta.

- iii. Memperkukuhkan Jaminan Sosial pemberian zakat kepada fakir miskin dan pihak-pihak yang memerlukan bukan sahaja memberi kesan kepada mereka secara individu tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya. Bantuan yang diberikan ini, bukan sahaja boleh melegakan seseorang itu secara peribadi tetapi boleh menjadikannya lebih aktif dan masyarakat juga dapat merasai faedah dari aktiviti yang dijalankan itu. (Harun Din, h.116).

## **b) Kharaj**

Kharaj bermaksud cukai hasil tanah yang dikenakan ke atas orang bukan Islam yang tinggal di negara Islam dan berdamai dengannya. Dalam undang-undang syariah, Kharaj ialah cukai ke atas tanah pertanian. Kharaj juga mempunyai banyak pengertian seperti upah, hasil, cukai (royalti), nama bagi sesuatu pembayaran, dan sejumlah wang yang dibayar oleh sesuatu kaum setahun sekali. Kharaj juga merupakan sumber pendapatan negara yang penting. Khalifah Islam suatu masa dahulu telah melantik pegawai dan petugas khas untuk mengutip kharaj yang menjadi salah satu sumber negara bagi membayar gaji tentera, dan juga perbelanjaan pentadbiran awam dan kebajikan masyarakat; Manakala wang baki dihantar kepada Perbendaharaan Negara. Hanya khalifah sahaja yang berkuasa dan menentukan kemanakah harta tersebut perlu dibelanjakan.

Dalam sejarah Islam, kharaj berupa duit yang dikenakan ke atas tanah yang telah dirampas daripada Empayar Byzantine dan Sassanid, sama ada melalui peperangan atau damai. Jika perjanjian damai antara kaum Muslimin dan penduduk ini telah bersepakat mengatakan tanah tersebut adalah milik Daulah Islamiyah (negara), dan mereka

mengakuinya dengan membayar kharaj, maka mereka harus menunaikannya. Kharaj menurut bahasa bermakna *sewa* dan *hasil*. Setiap tanah yang diambil daripada kaum kuffar setelah diumumkan perang ke atas mereka, maka tanah tersebut dikategorikan sebagai tanah kharajiyah. Walaupun mereka memeluk Islam selepas penaklukan itu, namun tanah tersebut statusnya masih tanah kharajiyah. Manakala jumlah kharaj yang wajib dipungut daripada tanah itu hendaklah dikira berdasarkan kandungan tanahnya. Pada masa Umar al-Khatab, beliau telah menetapkan kharaj dengan meneliti kandungan tanahnya, dan tidak bertindak zalim terhadap pemilik dan penanamnya. Umar juga akan memungut kharaj itu pada akhir tahun qamariyah. Ini kerana tahun qamariyah merupakan tahun yang sudah diketahui umum hukum syara'nya. Jikalau beliau menetapkan dengan sistem hasil maka pungutan kharaj akan dibuat setelah tanaman tersebut mengeluarkan hasil. Seorang Imam atau pengawal yang ditugaskan memungut cukai perlu memerhati beberapa aspek antaranya, ia berdasarkan keluasan tanah, hasil tanaman yang diusahakan dan dapat dituai pada masa tersebut. Jika tanah itu subur sehingga boleh meningkatkan hasil tanamannya, ataupun tanah itu diserang oleh anasir-anasir pertanian seperti ulat dan sebagainya sehingga menjadikan hasil tanaman itu berkurangan. Perkara seumpama ini harus diteliti dengan sebaiknya. Jika peningkatan hasil tanaman itu merupakan hasil usaha daripada petani, seperti mereka telah menggali perigi dan memperbaiki sistem saluran air bagi menghadapi masalah kemarau dan sebagainya, maka kharaj mereka tidak akan dinaikkan.

Namun demikian, jika hasil tanaman petani berkurangan disebabkan kerosakan yang mereka lakukan sendiri, seperti mereka merosakkan saluran air, ataupun tidak memanfaatkan perigi yang ada, maka pungutan kharaj mereka tidak akan dikurangkan. Malah mereka akan diperintahkan untuk memperbaiki alat-alat yang telah mereka rosakkan. Jika hasil tanaman mereka berkurangan disebabkan oleh bencana alam yang menyebabkan tanaman mereka rosak, ataupun hanyut disebabkan banjir. Maka kharajnya akan ditentukan berdasarkan kadar baki yang tinggal. Ini bagi memastikan tidak ada sebarang

kezaliman berlaku terhadap mereka. Kharaj juga ditentukan menurut jangka masa yang telah ditetapkan bukan secara berterusan. Kutipan cukai juga dilakukan terhadap hasil tanaman seperti bijian gandum terutama bagi kawasan pendalaman dan juga kawasan bandar. Namun begitu ada juga beberapa orang pegawai yang di lantik sebagai petugas memungut cukai, mereka telah memungut wang tunai sebagai bayaran cukai yang telah ditetapkan terutama sekali dalam abad pertama Hijrah. (Muhammad Abdul Mun'im Al-Jamal, h. 296).

### **c) Sedekah**

Sedekah berasal dari kata shadaqa yang bererti benar. Orang yang suka bersedekah adalah orang yang benar pengakuan imannya. Menurut terminologi syariat, pengertian sedekah sama dengan pengertian infaq iaitu mengeluarkan sebahagian dari harta untuk suatu kepentingan yang diperintahkan Islam. Namun begitu, sedekah memberi maksud yang lebih luas daripada infaq kerana infaq hanya berkaitan dengan material, manakala sedekah merangkumi material dan non-material. Walaupun kebanyakan kalimah sedekah yang disebut dalam al-Quran membawa maksud berzakat, namun perkara yang diperhatikan adalah bahawa, jika seseorang itu telah berzakat tetapi masih mempunyai kelebihan harta, sangat dianjurkan untuk berinfaq dan bersedekah. Selain daripada sedekah wajib, umat Islam digalakkan memberi sedekah sunat sebagai tanda kesyukuran akan nikmat yang dikurniakan Allah SWT, terutamanya nikmat Islam. (Mukhlis Asy-Starkani Al-Falahi, h: 272)

Amalan sedekah yang dianjurkan Islam bertujuan melengkapkan kitaran hidup antara yang kaya dengan miskin kerana sebagai pihak mempunyai kelebihan, mereka bertanggungjawab membantu saudara yang memerlukan terutama terhadap golongan fakir dan juga bersedekah di jalan Allah SWT untuk menolong agama. Mereka yang gemar bersedekah dijanjikan Allah SWT ganjaran pahala yang besar. FirmanNya yang bermaksud:

*“Siapakah yang mahu meminjamkan (hartanya) kepada Allah dengan pinjaman yang baik (iaitu dengan mendermakannya*

*pada jalan Allah SWT, lalu Allah melipatgandakan (balasannya) dan untuknya pahala yang mulia.”*

(Surah al-Hadid: 11)

Firman Allah SWT :

*“...dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah SWT akan menggantikannya”*

(Surah Saba: 39)

### **Etika sedekah :**

- Menyembunyikan sedekah yang akan diberikan dari pengetahuan orang lain, ia bertujuan untuk menghindarkan diri dari perasaan riya' atau ingin menjadi terkenal. Di samping itu ia juga bertujuan untuk menjaga perasaan orang yang menerima sedekah.
- Tidak merosak pahala sedekah dengan mengungkit-ungkit dan menyebut kembali apa yang telah disedekahkan samada dihadapan orang lain atau dihadapan orang yang menerima sedekah. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud :

*“Dan janganlah kamu membatalkan sedekahmu dengan mengungkit-ungkit dan menyakiti.”*

- Tidak merasa bangga dengan apa yang dibelanjakan atau kadar yang telah dibelanjakan. Perkara ini penting untuk mengelak dari timbulnya perasaan ta'ajub dan takabur sehingga boleh menghilangkan pahala dari sedekah itu sendiri.
- Memberikan sedekah kepada orang yang benar-banar memerlukan sedekah tersebut. Perlu diingatkan agar konsep sedekah tidak disalah gunakan dengan member sedekah tanpa mengira kepada sesiapa termasuklah kepada orang yang sudah diketahui sering

menggunakan harta yang dimilikinya ke jalan yang salah (Imam Ibn Rejab:279).

## **Sistem Pengagihan Harta dalam Islam**

Ekonomi Islam merupakan ekonomi yang berlandaskan tauhid yang bertitik tolak dari Allah SWT di mana matlamat akhirnya kembali kepada Allah jua. Ia juga berlandaskan hukum syarak yang telah ditetapkan dalam sebarang aktiviti yang dijalankan. Terdapat dua persoalan utama dalam membincangkan ekonomi Islam. Pertama: Allah SWT telah menyediakan sumber alam yang sangat banyak dan luas untuk memenuhi keperluan manusia. Kedua, semua sumber yang ada di alam ini merupakan ciptaan dan hak milik mutlak Allah yang diberi pinjam kepada manusia untuk menguruskan segalanya. Dalam hal ini manusia sebagai khalifah atau wakil yang diamanahkan untuk menguruskannya.

Konsep khilafah dalam mengemudikan hak milik ini mempunyai tiga makna:

- a) *Persaudaraan yang bersifat universal.* Konsep ini meletakkan manusia mempunyai persamaan sosial yang mengikat antara mereka dengan ikatan *ukhuwah*.
- b) *Sumber alam ini adalah hak mutlak Allah SWT.* Oleh itu manusia bukanlah pemilik yang tidak mempunyai hak untuk memusnahkan atau mensia-siakan sumber alam yang telah diberikan oleh Allah SWT.
- c) *Kebebasan Manusia.* Kebebasan di sisi Islam tidak bersifat mutlak yang memberi hak dan kuasa kepada manusia tanpa ada batasan, bahkan mereka mesti tunduk pada hukum syarak demi keamanan mereka sendiri.
- d) *Keadilan.* Islam menekankan pentingnya keadilan dalam setiap sektor, yang diceburi oleh manusia sama ada ekonomi, politik dan sosial. Keadilan menuntut agar sumber alam ini dinikmati secara adil kepada

seluruh rakyat melalui kebajikan-kebajikan yang perlu dipatuhi oleh seluruh manusia di alam ini sama ada golongan kaya atau golongan miskin.

Keadilan merupakan asas penting dalam perekonomian Islam. Tuntutan menegakkan keadilan telah ditekankan oleh Islam yang disebut berulang kali dalam al-Quran. Ia juga merupakan antara misi utama diutuskan para Nabi a.s. ke alam ini. Antara firman Allah yang menuntut agar melakukan keadilan adalah:

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah , lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan, hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa, dan bertakwalah kepada Allah . Sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”*

(surah al-Maidah: 8)

Firman Allah SWT :

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kalian menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kalian) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kalian. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”*

(surah al-Nisa’: 58)

Keadilan juga perlu ditegakkan dalam perekonomian Islam, dan menolak sebarang kezaliman serta kekejaman yang boleh membawa kepada pergaduhan dan persengketaan yang lahir hasil dari tidak adanya keadilan dalam pengagihan pendapatan.



Jelasnya, ekonomi Islam sangat berbeza dengan ekonomi konvensional, di mana ekonomi konvensional lahir dari pemikiran manusia yang boleh berubah berdasarkan waktu dan tempat. Ia tidak bersifat kekal dan selalu memerlukan kepada perubahan demi menjaga kepentingan pihak-pihak yang tertentu, sedangkan ekonomi Islam adalah ekonomi yang berlandaskan nilai-nilai utama seperti Rabbaniyyah, akhlak, kemanusiaan dan pertengahan. Ekonomi Islam dibina atas dasar dan prinsipnya yang jelas. Segalanya berpaksikan dari sumber al-Qur'an dan Hadis yang bersifat kekal dan tidak akan mengalami sebarang perubahan sehingga ke hari kiamat. Ekonomi Islam juga adalah ekonomi yang memiliki pengawasan internal atau hati nurani, yang ditumbuhkan oleh iman di dalam hati seorang muslim dan akhirnya menjadikan pengawas bagi dirinya. Dalam mencapai redhanya, setiap muslim tidak akan membenarkan dirinya mengambil hak dan harta orang lain dengan cara yang batil yang jauh dari nilai dan dasar kebenaran agama.

### **3.4. PEMIKIRAN SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN ISLAM**

#### **a) ASPEK KEWANITAAN**

Sesungguhnya wanita dalam Islam memiliki kedudukan yang tinggi dan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam kehidupan setiap muslim. Dia merupakan madrasah pertama dalam membina *Baitul Muslim* bagi membangun masyarakat yang berkualiti mengikut neraca Islam. Ini adalah kerana wanita muslimah berjalan di atas petunjuk dan landasan yang berasaskan al-Qur'an dan sunnah Nabi SAW. Sesiapa yang berpegang dengan keduanya akan dapat menjauhkan dari kesesatan dalam segala hal samada di dunia dan juga di akhirat. Suatu hal yang tidak dapat disangsikan lagi, bahawa Islam mengangkat darjat dan memuliakan wanita, sedangkan sebelum kedatangan Islam ia merupakan makhluk yang tiada nilai dan sama taraf dengan binatang dan barang. Bahkan ada golongan yang sanggup membunuh dengan menanamanya hidup-hidup dengan tanpa sebarang dosa, hanya kerana ianya dilahirkan sebagai seorang

wanita dan ada juga golongan yang sanggup membunuh anak-anak perempuan disebabkan oleh kemiskinan yang menghimpit kehidupan. Firman Allah yang bermaksud:

*“Apabila salah seorang dari mereka diberi khabar gembira dengan kelahiran anak perempuan, lalu mukanya menjadi hitam, sedang dia berdukacita (menahan kemarahannya). Ia menyembunyikan dirinya dari kaumnya karena buruknya berita yang disampaikan kepadanya. Apakah ia akan memeliharanya anak itu dengan (menanggung) kehinaan atau dikuburkannya ke dalam tanah? Ingatlah alangkah buruknya apa yang mereka tetapkan itu.”*

(surah al-Nahl: 58-59)

Setelah Islam datang wanita yang sebelumnya dihina dan rendah mertabatnya telah diangkat oleh Islam dan diletakkan di tempat yang semestinya perlu dijaga, dihargai, dan dimuliakan. Islam mengiktiraf persamaan antara wanita dan lelaki. Namun konsep persamaan antara wanita dan lelaki berbeza dengan apa yang dilaksanakan di Barat. Barat mengamalkan persamaan dalam semua aspek, peluang, hak dan peranan tanpa melihat dari segi kesesuaian menurut gender. Manakala Islam pula tidak mengamalkan kesamarataan yang berbentuk sekata tetapi ia bersifat adil dengan mempertimbangkan kesesuaian dari segi kelayakan, kesediaan dan yang paling penting selaras dengan fitrah kejadian perbezaan lelaki dan wanita. Gambaran ringkas tadi akan dapat memberikan penjelasan bagaimana Islam menjaga hak wanita, sejak mereka dilahirkan ke dunia, dibesarkan di dalam keluarga, diberi pendidikan yang sewajarnya sehingga sampai ke alam dewasa. Apabila sampai jodohnya wanita ini akan beralih kehidupannya sebagai seorang isteri, ibu, nenek dan sebagainya sehingga ia dijemput berjumpa dengan Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang.

- **Hak kemanusiaan**

Hak untuk hidup dan diiktiraf sebagai makhluk Allah yang mempunyai tanggungjawab dan hak yang perlu dipikul seperti kaum lelaki di zaman jahiliah tersebar di kalangan bangsa Arab khususnya, kebiasaan menguburkan anak perempuan hidup-hidup kerana tidak ingin hidup dalam kehinaan dan memalukan jika memelihara anak perempuan. Lalu datanglah Islam mengharamkan perbuatan tersebut dan menuntut kepada seluruh manusia untuk berbuat baik kepada anak perempuan serta memberi hak yang patut dimiliki oleh setiap manusia tanpa mengira lelaki atau perempuan dengan baik. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Siapa yang memelihara dua anak perempuan hingga keduanya mencapai usia baligh maka orang tersebut akan datang pada hari kiamat dalam keadaan aku dan dia seperti dua jari ini.” Beliau menggabungkan jari-jemarinya.*

(hadis riwayat Muslim)

Sabda Rasulullah lagi :

*‘Aisyah r.a telah meriwayatkan katanya “Datang ke rumahku seorang wanita peminta-minta beserta dua putrinya. Namun aku tidak memiliki apa-apa yang dapat kusedekahkan kepada mereka kecuali hanya sebutir kurma. Wanita tersebut menerima kurma pemberianku lalu dibaginya untuk kedua putrinya, sementara ia sendiri tidak memakannya. Kemudian wanita itu berdiri dan keluar dari rumahku. Tak berapa lama masuklah Rasulullah saw, kuceritakan hal tersebut kepada baginda. setelah mendengar penuturanku baginda bersabda yang bermaksud: ‘Siapa yang diuji dengan sesuatu dari anak-anak perempuannya lalu ia berbuat baik kepada mereka,*

*maka mereka akan menjadi penghalang/penutup baginya dari api neraka.”*

(hadis riwayat Bukhari)

Dari sini jelaslah bahawa wanita juga mempunyai hak untuk hidup dan mendapat perlindungan dan perhatian yang sewajarnya daripada ibu bapa. Islam juga mewajibkan kepada ibubapa untuk memberi nafkah kepadanya sehingga dia berkahwin dan dia juga berhak untuk mendapat sebahagian dari harta pusaka seperti yang dijelaskan oleh Islam.

- **Hak untuk mendapat balasan dan ganjaran amal.**

Islam tidak pernah membezakan antara lelaki dan wanita dalam memberi ganjaran dan balasan terhadap segala perbuatan yang dilakukan di dunia ini. Samada amalan kebaikan yang dilakukan sehingga layak untuk mendapat balasan pahala dan syurga, begitu juga sebaliknya jika amalan itu bersifat mungkar ia juga akan dibalas dosa dan akhirnya ke neraka.

- **Hak untuk belajar**

Kewajipan untuk menuntut ilmu difardhukan kepada lelaki dan wanita. Islam tidak melihat perbezaan ras jantina sebagai alasan tidak membenarkan wanita untuk belajar. Sejarah telah membuktikan bahawa ramai dari Para Sahabat r.a mengambil Fatwa daripada Ummul mukminun seperti Aishah r.a. merupakan salah seorang pakar rujuk wanita Islam dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan walaupun dalam usia yang begitu muda.

- **Hak untuk berkahwin**

Wanita diberi hak untuk memilih dan menentukan pasangan hidupnya dan boleh menolak calon suami yang diajukan oleh keluarganya jika dia tidak menyukainya dengan mempunyai alasan yang kukuh. Sabda Rasulullah SAW Yang bermaksud:

*“Tidak boleh seorang janda dinikahkan hingga ia diajak musyawarah (dimintai pendapatnya), dan tidak boleh seorang gadis dinikahkan hingga diminta izinnya.” Para sahabat berkata: “Wahai Rasulullah, bagaimanakah izinnya seorang gadis?” “Izinnya adalah dengan ia diam”, jawab Rasulullah.*

(hadis riwayat al-Bukhari )

Wanita yang berkahwin mempunyai hak ke atas suaminya sama ada berbentuk material atau sebaliknya. Hak-hak yang melibatkan harta atau mahar serta nafkah. Selain itu isteri juga mempunyai hak yang tidak bersifat kebendaan, seperti adil, baik dalam pergaulan, bersifat ihsan dan yang paling penting menghormati wanita tersebut sebagai pasangan, ibu kepada anak-anaknya. Masing-masing perlu berusaha untuk memperbaiki segala kelemahan yang ada di antara mereka.

- **Hak menjadi Seorang Ibu**

Islam memuliakan wanita semasa kecilnya, ketika remajanya dan saat dia menjadi seorang ibu. Allah SWT telah mewajibkan seorang anak untuk berbakti dan taat kepada kedua orang tuanya, selagi tidak bercanggah dengan perintah Allah SWT . Firman Allah yang bermaksud:

*“Rabbmu telah menetapkan agar janganlah kamu sembah kecuali Dia dan berbuat baiklah terhadap kepada ibubapa. Jika salah seorang dari keduanya atau keduanya telah tua maka janganlah engkau mengatakan kepada keduanya perkataan ‘ah’ dan jangan membentak keduanya namun ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua kerana kasih sayang, ucapkanlah doa, “Wahai Rabbku, kasihilah mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku sewaktu kecil.”*

(surah al-Isra` : 23-24)

Ayat di atas dan banyak lagi ayat al-Quran dan Hadis Nabi yang membicarakan tentang hak seorang ibu terhadap anaknya. Dilarang sama sekali seorang anak menderhaka kepada ibunya. Ini kerana ibulah yang bersusah payah mengandung dan melahirkan serta menyusukan anak tersebut. Tugas mulia ini tidak dapat dirasai oleh semua manusia di alam ini tentang keindahan dalam kepayahan mengandung, menyusu dan mendidik anak-anak sehingga dewasa. Peruntukkan hak yang jelas dalam menjaga kedudukan mereka sebagai wanita, isteri, ibu dan anggota masyarakat. Dengan adanya peruntukkan ini, diharapkan kaum wanita dapat berfikir dengan lebih bijak dan matang dalam sebarang tindakan yang boleh menjatuhkan maruah sebagai wanita. Mereka juga tidak perlu terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang menyeru kepada perlunya tuntutan persamaan hak antara lelaki dan wanita. Kerana kedudukan mereka sudah terbela dan terjamin Islam telah mengangkat martabat wanita dengan segala keistimewaan yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka. Perlu diingat bahawa segala kelebihan yang ada hendaklah digunakan secara bijaksana supaya tidak melanggar Hukum Syarak yang telah ditetapkan oleh Allah SWT . (Muhammad Abdul Rauf:72)

## **b) ASPEK KANAK-KANAK**

Anak-anak merupakan anugerah serta kurniaan Allah SWT kepada pasangan suami isteri yang sentiasa berhajat dan mengharap kurniaan tersebut. Perasaan dan keinginan ini wujud di kalangan semua pasangan yang mendirikan rumahtangga samada muslim atau bukan muslim.

Walaubagaimanapun bagi pasangan muslim mereka sangat dituntut untuk mengetahui dan memahami nilai kurniaan Allah SWT ini. Sekiranya mereka tidak faham akan nilai dan kepentingan kurniaan tersebut boleh membawa kepada pengabaian dan tidak melaksanakan peranan dan tanggungjawab malah tidak menunaikan hak anak-anak seperti memberi kasih sayang dan perhatian yang sewajarnya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Dia memberikan anak perempuan kepada siapa yang dikehendakiNya dan memberikan anak lelaki kepada siapa yang dikehendakiNya, atau Dia menjadikan mereka itu lelaki dan perempuan (kepada sesiapa yang dikehendakiNya), dan Dia menjadikan mandul siapa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.”*

(Surah Asy-Syura,:49-50)

Firman Allah SWT lagi:

*“Dan orang-orang yang berkata: Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami).”*

(Surah al Furqan: 74)

Selanjutnya Allah SWT berfirman :

*“Ya Rabbi, kurniakan aku seorang anak yang baik di sisi Engkau.”*

(Surah Ali Imran: 38)

Ayat-ayat di atas merakamkan bagaimana ibu bapa amat berharap dan berhajat untuk mempunyai anak demi meneruskan perjuangan suci dalam meneruskan kewajipan sebagai tugas dakwah yang dipikul oleh seluruh manusia di alam ini. Cahaya mata merupakan penyeri dan pelengkap kebahagiaan dan merupakan anugerah Allah yang amat berharga kepada pasangan dan merupakan amanah yang wajib dijaga dan dipelihara dengan sebaik-baiknya. Firman Allah :

*"Wahai orang-orang yang beriman peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka yang bahan-bahan bakarnya manusia dan batu berhala, Neraka itu dijaga dan dikawal oleh Malaikat-malaikat yang keras kasar layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah*

*dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".*  
(Surah- Tahrir ayat: 6)

Dari ayat-ayat tersebut dapat difahami tentang tanggungjawab ibubapa untuk memelihara dan mendidik keluarga khususnya anak-anak supaya menjadi anak yang soleh dan berguna dengan memberi pendidikan agama terutama dari segi akidah yang mantap sebagai benteng dan asas yang kukuh dalam menghadapi arus perdana yang kian melanda dunia masa kini. Betapa beruntungnya ibu bapa yang mempunyai anak-anak soleh yang dapat membahagiakan hidup mereka . Bukan sahaja hidup di dunia bahkan di akhirat. Doa daripada anak-anak yang soleh tetap tidak akan terputus dan sentiasa sampai kepada ibu bapa walaupun kedua-duanya telah meninggal dunia. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*Apabila meninggal dunia seseorang anak Adam, maka terputuslah semua amalannya kecuali tiga perkara iaitu: Sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kedua-dua ibu bapanya).*  
(hadis riwayat al-Bukhari)

Untuk merealisasikan impian setiap pasangan tersebut, anak-anak wajib diberi pendedahan dan pendidikan Islam yang sempurna sejak dari dalam kandungan. Tanggungjawab bermula dari pemilihan isteri yang baik diikuti dengan penjagaan janin dalam kandungan dari segi fizikal dan mental, serta mengamalkan pemakanan yang seimbang. Perkara utama yang perlu diberi perhatian serius oleh pasangan tersebut adalah memastikan rezeki yang diperolehi adalah dari usaha dan sumber yang halal lagi berkat. Ibu bapa juga digalakkan mengerjakan amalan-amalan kerohanian seperti membanyakkan membaca al-Quran, zikir, melakukan ibadah-ibadah sunat disamping tidak meninggalkan ibadah fardhu yang diwajibkan.



- **Hak-hak anak ke atas ibubapanya**

Rasulullah SAW telah bersabda di dalam beberapa hadis sahih yang maksudnya:

*“Hak anak ke atas ayahnya ialah memberinya nama yang baik, mengajarnya menulis, mengahwinkannya apabila sudah cukup umur dan mengajarnya al- Quran”*

(hadis riwayat al-Hakim dan al-Dailami)

- **Mendapatkan kasih sayang**

Kanak-kanak memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa sepertimana ia berhajat kepada makanan dan minuman. Kasih sayang kepada anak-anak merupakan sebahagian daripada pendidikan utama yang wajib diberi perhatian oleh ibubapa. Menurut ahli psikologi, kanak-kanak memerlukan kasih sayang kerana tiga faktor:

**Pertama:** Kanak-kanak memerlukan kebahagiaan dan ketenangan dalam hidupnya. Kerana kasih sayang dan perhatian kepada kanak-kanak akan membuahkan ketenangan dan kebahagiaan yang sebenar dalam jiwa kanak-kanak tersebut, apatah lagi mereka sentiasa memerlukan pertolongan dan sentiasa megarapkan perhatian daripada orang lain terutama ibubapa dan orang-orang yang terdekat dengan mereka. Peralihan masa pembesaran perlu dibendung dan dijaga dengan rapi agar segala apa yang diimpikan akan menjadi kenyataan.

**Kedua:** Pembentukan dari segi pemikiran. Kanak-kanak yang membesar dalam suasana kasih sayang, ia akan dapat membentuk pemikiran yang kreatif lagi bernas. Di samping itu, kanak-kanak tersebut mempunyai daya ingatan yang kuat dan mempunyai budi pekerti yang baik. Pada masa kini kanak-kanak membesar dengan suasana yang amat berbeza sekali. Kemajuan teknologi yang serba canggih dan pantas tidak dapat menandingi kecanggihan otak manusia yang merupakan anugerah Allah SWT kepada

manusia dan serta organ pertama yang terbentuk bagi janin dalam rahim seorang ibunya. Otak membangun kerana ia belajar. Kanak-kanak belajar kerana ia menerima maklumat melalui pancainderanya dan menyimpan maklumat tersebut di dalam otak, seterusnya akan digunakan bila diberi peluang. Otak membangun dengan pesatnya sejak dalam kandungan sehingga dilahirkan dan kanak-kanak tersebut mencapai usia 6 tahun ; dalam tempoh ini proses pembelajaran berlaku sebanyak 85 peratus. Segala yang dilihat dan disentuh akan menjadi pembelajaran baru dan kekal dalam memorinya. Oleh itu pembangunan asas yang kukuh penuh dengan kasih sayang dan perhatian akan menentukan anugerah pembesaran dari segi pemikiran ini dapat digunakan dengan sebaiknya. Yakinlah apabila mereka telah dewasa mereka dapat berfikir dengan sebaiknya dan tahu apa yang terbaik untuk mereka walau sehebat mana sekalipun dugaan mendatang terutama mereka juga dibekalkan dengan didikan agama yang mantap. (Majalah wanita).

**Ketiga:** Pembentukan dari segi masyarakat. Kanak-kanak yang diberikan kasih sayang sejak kecil lagi dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat dan merasa sayang kepada masyarakat sekelilingnya. Di samping mendidik anak-anak menjadi anak yang soleh, mereka juga perlu pendedahan yang jelas sehingga mampu memikul dan melaksanakan tanggungjawab *amar makruf nahi mungkar* di dalam masyarakat. Anak-anak adalah pewaris dan pemimpin masa akan datang. Mereka perlu sedar tentang amanah ini, dan perlu dilatih sejak dari kecil lagi. Oleh itu ibubapa perlu bertanya secara serius, adakah mereka peka atau prihatin dengan tanggungjawab mendidik anak-anak? mereka perlu melihat anak-anak sebagai sehelai kain putih yang perlu dicorak melalui proses pendidikan Islam yang jelas bagi membentuk kefahaman yang mendalam di dalam membina sahsiah anak tersebut.

- **Memberi Pendidikan**

Setiap ibubapa bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan pendidikan agama supaya anak-anak tersebut menjadi anak yang soleh.

Ibubapa perlu menjaga diri kanak-kanak dari perkara yang boleh merosakkan dirinya sama ada dari segi pemikiran dan fizikal. Penekanan kepada pendidikan agama harus diberikan perhatian yang serius dalam pembentukan syahsiah mereka. Islam telah meletakkan garis panduan dalam mendidik kanak-kanak. Antaranya ialah:

***i) Mengajar mengenali Allah.***

Islam menyuruh ibubapa mengajar anak-anak mereka supaya mengenali Allah mengikut kadar akal fikiran yang mereka miliki. Ia merupakan pendidikan awal dan merupakan teras utama dalam pembentukan pemikiran dan keperibadian kanak-kanak tersebut. Akidah yang ditanamkan kedalam jiwa kanak-kanak sejak dari kecil akan membuahkan hasil yang baik kepada anak tersebut. Ibubapalah orang yang paling dekat dan rapat kepada anak, Merekalah orang yang bertanggungjawab sepenuhnya di dalam membentuk identiti dalam diri anak tersebut

***ii) Mengajar cara-cara sembahyang.***

Ibubapa wajib mendidik anak-anak mereka cara bersembahyang sejak kecil lagi. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

*”Ajarlah anak-anak kamu bersembahyang ketika berusia tujuh tahun dan pukul mereka ketika berusia sepuluh tahun dan asingkan antara mereka dalam tempat tidur.”*

Anak-anak yang sentiasa diasuh dan dibiasakan dengan ibadah sembahyang akan menjadikan ibadat tersebut sebagai satu kewajipan yang akan dilaksanakan walau di mana mereka berada.

***iii) Mengajar ilmu pengetahuan***

Ibubapa bertanggungjawab dalam mendidik dan membekalkan ilmu pengetahuan yang berguna kepada anak-anak. Ibubapa perlu menyemaikan

minat untuk membaca, dan menanamkan rasa cintakan ilmu pengetahuan serta mengajar mereka menghormati guru walau di mana mereka berada. Ibubapa perlu membeli berbagai buku-buku yang boleh menambah minat dihati anak-anak untuk membaca dan menghabiskan masa dengan perkara yang lebih berfaedah. Ilmu pengetahuan yang perlu diberi kepada anak-anak meliputi segala ilmu yang boleh memberi manfaat kepada mereka dalam menghadapi cabaran hidup. Mereka juga perlu didedahkan dengan dunia multimedia, sains dan teknologi di bawah pengawasan ibu bapa agar tidak tersasar dari landasan yang betul.

#### ***iv) Mengajar al-Quran***

Rasulullah SAW amat menekankan kepada ibubapa tentang kepentingan mengajarkan al-Quran sejak dari kecil. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Tabrani yang bermaksud :

*”Didiklah anak-anak kamu dengan tiga perkara iaitu cintakan nabi kamu, cintakan keluarga nabi kamu dan mengajarkan al-Quran kerana orang yang mendampingi al-Quran akan dinaungi oleh Arash Allah SWT pada hari yang tidak ada naungan selain darinya bersama para nabi-nabi dan pembantunya.”*

Selain itu ibubapa juga perlu menanamkan dalam jiwa anak tentang kewajipan beriman dengan al-Quran sebagai salah satu dari rukun iman yang enam. Mereka juga perlu ditanamkan rasa cinta kepada al-Quran dan bersedia untuk mempertahankan al-Quran dari sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab dan kritikan dari golongan bukan Islam yang bertujuan untuk menjatuhkan Islam. Ibubapa juga perlu menanamkan dalam jiwa anak-anak tentang segala kebenaran yang ada di dalam al-Quran serta ia juga merupakan sumber rujukan dan perundangan yang menjadi panduan dan ikutan kepada umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW Sehingga ke hari kiamat.

**v) Mendidik mengenali kejadian alam ini**

Ibubapa seharusnya mendidik anak-anak supaya melihat dan meneliti tentang keindahan alam ciptaan Allah ini. Manusia perlu memahami hubungannya dengan alam yang ada disekelilingnya adalah untuk manfaat mereka. Anak-anak perlu didedahkan dengan kepentingan menjaga kebersihan alam ini sejak dari kecil agar pencemaran alam tidak akan berlaku sehingga boleh mendatangkan bencana kepada penghuninya. Anak-anak juga perlu didedahkan dengan aktiviti gotong royong yang dilakukan oleh masyarakat setempat. Dari aktiviti seumpama ini akan menjadikan anak-anak tersebut tidak mudah untuk membuang sampah walaupun sehelai pembalut gula-gula yang dimakannya. Ibubapa juga perlu menjelaskan segala bencana alam yang sering berlaku masa kini seperti banjir, tanah runtuh adalah hasil dari tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab terhadap alam semesta.

**vi) Mendidik dengan akhlak yang mulia.**

Setiap ibubapa bertanggungjawab mendidik anak-anaknya dengan akhlak yang mulia seperti bersifat amanah, jujur, ikhlas, menghormati orang yang lebih tua, bercakap benar, beradab ketika makan dan minum, memilih makanan yang halal, suka kepada perbuatan kebajikan dan ma'aruf, sentiasa mencari kebenaran dan keadilan, benci sifat keji, kezaliman dan kerosakan harta benda.

Sehubungan dengan itu anak-anak perlu dijauhi dari terpengaruh dengan sifat-sifat keji seperti *Rububiyah* (sifat yang hanya layak bagi Allah Yang Maha Berkuasa dan memiliki Alam dan segala isinya) sifat ini jika dibiarkan akan menjadikan anak-anak itu mempunyai sifat bangga diri, suka disanjung dan dipuji, terlalu mengejar pangkat dan darjat tanpa ada batasan, contoh yang paling jelas bagi manusia yang menjadikan sifat *rububiyah* ini dalam kehidupannya adalah Firaun. Beliau bukan saja kafir dan ingkar perintah Allah, tetapi juga merupakan orang yang berani sehingga sanggup mengaku dirinya sebagai Tuhan. Akhirnya orang-orang

seumpama ini telah dimusnahkan oleh Allah dengan ditenggelamkan ke dasar laut dengan sekelip mata sahaja.

Anak-anak perlu diajar sedari kecil agar menjauhi sifat *syataniyyah* yang akan melahirkan berbagai rupa kejahatan seperti sifat dengki, durhaka, curang, menipu dan mengajak manusia lain melakukan kerosakan dan menjadi penghalang kepada individu yang ingin melakukan kebaikan. Selain itu ibubapa juga perlu mengajar anak mereka supaya menjauhi sifat *bahimiyah* yang berasaskan kepada lempiasan hawa nafsu perut, dan nafsu kelamin, seperti penzinaan, liwat (homosex dan lesbian atau hubungan sejenis). Segala kesempatan yang ada hanya digunakan untuk mencari harta bagi memenuhi dua tututan nafsu perut dan nafsu syahawat. Perkara ini perlu dijelaskan kepada anak-anak tentang bahaya dan dosa yang akan ditanggung oleh individu yang melakukan perkara tersebut.

Begitu juga dengan sifat *Subu'iyah* yang berasaskan sifat-sifat buruk yang berteraskan kekuatan, kekejaman, pembunuhan, yang disalah gunakan sehingga menjadi orang yang begitu kejam dan sanggup melakukan apa sahaja demi memenuhi kehendak nafsu semata-mata tanpa mempunyai sifat kasihan belas sesama makhluk Allah. Sesungguhnya guru yang paling hebat dan berkesan kepada anak-anak adalah ibubapa mereka. Mereka merupakan contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Sekiranya keluarga tersebut menjadikan Rasulullah sebagai *role model* dalam kehidupan seharian, ketika itu tidak mustahil rumah tersebut telah berjaya melahirkan generasi al-Quran yang melaksanakan corak kehidupan berdasarkan apa yang termaktub di dalamnya.

### ***vii) Membentuk tubuh badan yang sihat dan kuat.***

Islam menggalakkan kanak-kanak dilatih sejak kecil lagi dengan latihan jasmani supaya kanak-kanak tersebut menjadi sihat dan kuat. Pepatah arab ada menyebut :”*akal yang baik lahir dari tubuh badan yang sihat*”. Ibubapa perlu mendedahkan anak-anak dengan pendidikan jasmani dalam aktiviti harian mereka dengan mengenakan peraturan yang tidak menyebelahi mana-mana pihak samada lelaki atau perempuan. Mereka harus diberi kefahaman yang bersesuaian dengan mereka tentang perbezaan

dan kelebihan yang ada antara lelaki dan perempuan. Ibubapa juga perlu menjelaskan tentang batasan dalam pergaulan antara mereka. Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian serius oleh ibubapa adalah tentang pakaian yang dibeli dan dipakaikan kepada kanak-kanak harus bersesuaian dengan jantina dan ajaran Islam, kerana kebiasaan yang dibiasakan ini menjadikan mereka terbawa-bawa sehingga memasuki usia baligh. Sehubungan dengan itu ibubapa perlu memastikan perlakuan anak-anak bersesuaian dengan jantina anak tersebut. Perkara seumpama ini dapat mengurangkan gejala kecelaruan jenis yang kian merebak dalam masyarakat dan amat menggerunkan ditambah lagi dengan gejala hubungan songsang yang kian berleluasa masa kini. (Abdullah Nasih Ulwan).

Oleh itu ibubapa perlu jelas tentang tanggungjawab mendidik anak adalah satu kewajipan yang tidak boleh diswastakan atau dipandang remeh. Kegagalan mendididik mereka akan membawa akibat yang berat di akhirat nanti. Allah SWT telah memperingatkan perkara ini dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Selamatkan diri kamu dan anggota keluarga kamu daripada api neraka”*

(Surah at-Tahrim ayat 6)

### c) **ASPEK KEIBUBAAPAN**

Apabila sesuatu perkara berlaku dalam masyarakat terutama melibatkan anak-anak atau remaja masing-masing akan menunding jari ke arah ibubapa kanak-kanak tersebut. Segala permasalahan berlaku selalunya akan dikaitkan dengan peranan ibu dalam menjalankan kewajipan terhadap anak tersebut. Memang tidak dapat dinafikan betapa besarnya peranan ibu dalam mendidik anak. Sehingga lahirnya ungkapan ‘ibu merupakan sekolah pertama, ‘tangan yang menghayun buaian boleh menggoncang dunia’ dan lain-lain lagi. Namun, ini tidak bermakna bapa kurang berperanan atau bapa boleh berlepas tangan sebaliknya Bapa adalah ketua keluarga dan pemimpin dalam rumahtangga. Firman Allah yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka...”*

(surah al-Tahrim)

Firman Allah SWT yang berbunyi:

*“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”*

(surah Luqman 31:13)

Di sini dapat dijelaskan bahwa Luqman al-Hakim merupakan ayah yang bertanggungjawab dalam mendidik anaknya. Allah tidak mengatakan ‘isteri Luqman berkata kepada anaknya’ atau ‘Luqman berkata kepada isterinya agar memberitahu anaknya’. Tetapi Luqman sendiri yang berbicara kepada anaknya dengan nada dan gaya bahasa yang sangat lunak penuh kasih sayang.

Dengan memahami betapa besarnya tanggungjawab dalam mendidik anak, seorang ayah akan berusaha sedaya mungkin untuk mendekati anaknya dengan belaian mesra dan kasih sayang dan cuba menjadi sahabat ketika anak itu menginjak remaja. Ayah yang bertanggungjawab tidak akan memberi peluang dan ruang untuk menjadikan anak itu keseorangan terombang ambing tanpa ada tangan yang memimpin, melindungi dan membimbingnya ke arah kebenaran. Walaupun mereka sentiasa sibuk dengan urusan yang perlu dilakukan. Tugas mendidik anak tidak boleh diswastakan oleh institusi lain yang tidak bertauliah. Antara tanggungjawab ibu bapa ialah:



- **Mendidik anak-anak.**

Betapa Pentingnya ibubapa mengajar dan mendidik anak-anak mereka dengan didikan yang sempurna terutama dalam memahami anak tentang fardhu ain dan fardhu kifayah, samping mendisiplinkan mereka dengan akhlak Islam, perlu dijelaskan bahawa anak-anak perlu diperkasakan dengan ilmu untuk menjamin kesejahteraan dan keperkasaaan umat manusia sejagat. Begitu juga anak-anak perlu menguasai ilmu sains, teknologi, pengurusan dan ekonomi. Penguasaan ilmu ini perlu disertai dengan nilai-nilai baik seperti amanah, jujur, telus, bijaksana dijadikan pedoman dalam hidup. Nilai seumpama perlu ditanamkan ke dalam jiwa anak-anak supaya wujud kesedaran tentang tujuan hidup yang ingin dicapai dan dicari adalah reda Allah SWT.

- **Menyediakan tempat perlindungan**

Anak-anak memerlukan tempat perlindungan dari segala mara bahaya yang berada disekeliling rumah. Ibubapa wajib menyediakan keperluan tersebut mengikut kemampuan yang mereka ada. Tanamkan rasa bersyukur dengan apa yang ada di samping mengajar mereka berdikari dan berusaha untuk mendapat segala keperluan diperlukan.

- **Mengikuti Perkembangan Anak-Anak**

Peranan terakhir yang sepatutnya dilakukan oleh ibu bapa ialah menitikberatkan tentang aktiviti harian anak-anak mereka pada setiap masa. Ibu bapa perlu memberikan sepenuh perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak terutamanya ketika mereka menginjak remaja. Selain itu, ibu bapa perlu mengawasi pergerakan anak-anak dan mengetahui di mana mereka berada, dengan siapa mereka berkawan. Peringkat remaja amat mudah terpengaruh dengan kenakalan, persekitaran, rakan-rakan dan sebagainya. Hal ini jika diabaikan boleh menjadikan mereka mudah terpengaruh dan terjebak dengan gejala sosial yang kian membimbangkan masa kini.


### **3.5 KESIMPULAN**

Perbincangan yang terperinci berkaitan pemikiran Islam dalam aspek keilmuan, politik, ekonomi dan sosial yang berlegar disekeliling ummah sebenarnya mencerminkan ummah Islam itu sendiri. Perbandingan yang jelas aspek-aspek yang dibincangkan itu berdasarkan zaman yang berlaku amat tepat. Ini kerana wahana kehidupan umat Islam mestilah diambil dari kacamata Islam dan dari sumber yang tentunya sahih dan diiktiraf. Kegagalan manusia menjadikan Islam sebagai cerminan dalam lapangan kehidupan mengakibatkan kecelaruan dan ketidakpuasan hati yang berterusan. Bayangkan, teori penyelesaian yang dibawa masuk untuk dihidangkan kepada umat Islam diambil dari tong dan bongkah yang amat jauh bezanya dari sumber dan praktik Islam. Akhirnya penyelesaian yang diharapkan semakin jauh. Maka lahirlah anak muda Islam yang mengakui bahawa budaya dan ideologi Barat itu adalah segalanya. Perzinaan dan seks bebas sudah berleluasa, pengambilan arak dan dadah sudah membudaya dalam masyarakat kita. Manakala amal makruf nahi munkar sudah janggal untuk dipertahankan, maka timbullah keakuan dan ego yang bermaharaja lela.

Jesteru itu, keinginan untuk kembali kepada asal fitrah leluhur manusia perlu digerakkan. Kefahaman tentang pemikiran dan gaya hidup yang sejajar dengan ajaran agama amatlah perlu untuk memastikan survival ummah sentiasa merujuk kepada yang asal yakni untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

## **RUJUKAN**

- Abdul Karim Zaidan, (1983). *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah 1*. Jakarta: Media Dakwah.
- Abdul Munir Yaacob, (2002). *Kriteria Negara Berteraskan Prinsip Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Ahmad Shalaby, (1976 ). *Sejarah pendidikan Islam*. Cairo: Mesir.
- Al-Maududi, (1983). *Iman Islam Jihad*. Jakarta: Media Dakwah.
- Azhar Mad Aros, (2000) *Titas 1*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azhar Muhammad, (2002). *Institusi Islam*. Johor: UTM.
- Harun Din, (1988). *Manusia Dan Islam*. Selangor: Percetakan WATAN Sdn. Bhd.
- Imam Ibnu Rejab al-Hambali, (2006). *Himpunan Ilmu dan Hikmah*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Muhammad Abdul Munim al-jamal, (2000). *Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Muhammad Athiyah al-Abrashi, (1970). *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*. Cairo. Mesir
- Muhmmad Abdul Rauf, (1997). *Wanita Dan Keluarga*. Kuala Lumpur: DBP.
- Muhmmad Abdul Rauf, (1998). *Ummah Negara Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mukhlas Asy-Starkani Al-Falahi, (2009). *Keajaiban Ibadah*. Kuala Lumpur: Zafar Sdn.Bhd.
- Syed Muhammad Dawilah aL-Edrus, (1999). *Epistemologi Islam*. kuala Lumpur: DBP.
- Universiti Melaya, (2001). *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Melaya.
- Wan LizOsman wan Omar, (2000). *Gagasan Alaf Baru*. Selangor: Percetakan Putra Jaya.
- Zulkifli Dahalan, (2009). *Sejarah Pemikiran Tamadun Islam*. Selangor: Straits Digital Sdn Bhd.



Rajah 3 : Bab 3 Pemikiran Tamadun Islam

**SOALAN REVISI**

1. Jelaskan hirarki ilmu pengetahuan menurut Islam mengikut pendapat imam al-Ghazali ( 6 Markah)
2. Terangkan **TIGA (3)** prinsip utama sistem politik dalam Islam ( 6 Markah)
3. Jelaskan **TIGA (3)** hak-hak wanita dalam Islam ( 6 Markah)
4. Huraikan **DUA (2)** bentuk pendekatan pendidikan pada zaman Rasulullah S.A.W ( 4 Markah)
5. Jelaskan **EMPAT (4)** institusi kewangan dalam Islam ( 8 Markah)



# Pengenalan TAMADUN & PEMIKIRAN ISLAM KONTEMPORARI

Buku bertajuk Pengenalan Tamadun Dan Pemikiran Islam Kontemporari merupakan sebuah hasil penulisan yang cuba mencungkil mutiara-mutiara hikmah dilubuk peradaban manusia agung. Tamadun Islam bangkit dengan penuh hikmah. Manakala sejarah kehebatannya dinilai dan dipelajari oleh seluruh kelompok manusia di dunia. Tamadun yang berpaksikan nur Islam ini telah jauh menerangi dunia dikala manusia semua bermegah-megah dengan kebolehan yang ada. Beberapa isu kontemporari turut diselitkan dalam perbincangan ini agar ianya menepati inspirasi pelajar dan masyarakat di luar sana, berkaitan isu-isu dunia umat Islam. Adalah diharapkan penulisan ini dapat menjadi nilai tambah kepada perbendaharaan ilmu yang sedia ada demi memantapkan lagi kefahaman serta meleraikan segala permasalahan ummah di era globalisasi kini.

Penulisan ini dilakukan oleh sekumpulan pensyarah Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM Kedah. Ianya berdasarkan sukatan terbaru kursus CTU 151 Pemikiran Dan Tamadun Islam, semakan 2011. Jesteru itu, diharap melalui penulisan kecil ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga pembaca khususnya untuk mendalami sejarah tamadun Islam dan juga susur galur perkembangan umat Islam hingga kini. Semoga pendekatan ini menyertahkan lagi keupayaan tamadun Islam dalam menangani pelbagai cabaran yang dihadapi khususnya masyarakat di Malaysia.